

PARLIMEN MALAYSIA

MESYUARAT KEDUA
PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA KEMENTERIAN

RABU: 25 JUN 2008

CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA.
Sidek jwp kem.08

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 14 HINGGA 97)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 13 SOALAN 67 JAWAB SEKALI DENGAN SOALAN NO. 1

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

SOALAN NO. : 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN CHONG CHIENG JEN**
		[BANDAR KUCHING]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah kekurangan doktor-doktor dan kakitangan perubatan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Y.B Datuk Richard Riot anak Jaem (Serian) bertarikh 25 Jun 2008 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah diambil. Antara langkah-langkah tersebut adalah sebagaimana berikut :

i. melantik semula secara automatik Pegawai Perubatan yang telah bersara wajib khususnya pakar perubatan, pegawai perubatan serta anggota paramedik untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan syarat mereka mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik;

ii. meneruskan syarat perkhidmatan wajib selama tiga (3) tahun kepada Pegawai Perubatan;

iii. menggunakan khidmat Pegawai Perubatan Swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara *sessional ;*

iv. bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan JPA untuk menambahkan kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan;

v. bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke

Malaysia' untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kerajaan;

vi. mengambil Pegawai Perubatan dan jururawat bukan warganegara secara kontrak;

vii. menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan dan anggota paramedik dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik. Antara insentif yang telah diperkenalkan termasuklah Elayn Wilayah, Elaun Perumahan Wilayah, Bayaran Insentif Pedalaman serta Elaun Perudara untuk anggota perkhidmatan kesihatan yang berkhidmat di Sarawak dan Sabah;

viii. memperkenalkan *Locum*, *Full Paying Patients* serta elaun-elaun dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada Pegawai Perubatan termasuk insentif-insentif tertentu kepada anggota paramedik ; dan

ix. menempatkan pegawai-pegawai Perubatan yang berasal dari Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun di negeri-negeri tersebut.

Di samping itu juga, bagi memastikan rakyat Sarawak tidak dinafikan keperluan kesihatannya di kawasan-kawasan terpencil dan sukar dihubungi atau ketiadaan klinik-klinik kesihatan, Kementerian Kesihatan telah dan akan sentiasa menambahbaik perkhidmatan *flying squad service* mengikut keperluan supaya rakyat di kawasan pedalaman turut menikmati perkhidmatan kesihatan yang cekap.

NO. SOALAN : 15

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA TING [KULAI]

TARIKH : 25 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan syarikat minyak dan gas (O&G) yang telah dibatalkan atau dimansuhkan lesen PETRONAS sehingga tahun 2008 mengikut etnik dan sebab-sebabnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 2004 hingga Mei 2008, sebanyak 13 syarikat telah dibatalkan lesen atau pendaftaranya dengan PETRONAS. Bilangan ini merangkumi kira-kira 0.4% daripada jumlah keseluruhan syarikat-syarikat yang berlesen dan berdaftar dengan PETRONAS iaitu sebanyak 2,961 syarikat.

Lesen dan pendaftaran syarikat-syarikat ini dibatalkan kerana syarikat-syarikat berkenaan telah didapat melanggar syarat-syarat dan peraturan pelesenan dan pendaftaran PETRONAS sepertimana yang telah ditetapkan. Dari jumlah tersebut, 7 syarikat adalah milik penuh Bumiputera.

Soalan No. 16

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI (SABAK BERNAM)**

TARIKH : **25 JUN 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan memandangkan keadaan pembangunan Sungai Lang yang semakin berkembang untuk naik taraf ilmu, adakah Kerajaan bercadang untuk naik taraf jalan dari Simpang 4 Beting Kepah Sungai Apong ke Sungai Lang bagi kegunaan orang ramai.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Menaik Taraf jalan dari Simpang 4 Beting Kepah Sungai Apong ke Sungai Lang, Sabak Bernam tidak disenaraikan di dalam senarai keutamaan Program Jalan Luar Bandar RMKe 9 oleh pihak Berkuasa Kerajaan Negeri Selangor.

Dimaklumkan juga bahawa pada masa ini peruntukan program JALB Kementerian Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) adalah terhad. Walau bagaimanapun, sekiranya projek ini diberi keutamaan oleh pihak Berkuasa Kerajaan Negeri, ia akan dipertimbangkan untuk disenaraikan di bawah program JALB RMKe10.

SOALAN NO. : 17

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK RICHARD RIOT ANAK JAEM**
		[SERIAN]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Datuk Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan Kementerian untuk mengatasi masalah besar kekurangan doktor di hospital-hospital Kerajaan di seluruh negara lebih-lebih lagi di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab secara bersekali pertanyaan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Y.B Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching) bertarikh 25 Jun 2008 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengatasi masalah kekurangan Pegawai Perubatan di Kementerian Kesihatan, beberapa langkah telah diambil. Antara langkah-langkah tersebut adalah sebagaimana berikut :

i. melantik semula secara automatik Pegawai Perubatan yang telah bersara wajib khususnya pakar perubatan, pegawai perubatan serta anggota paramedik untuk berkhidmat dengan Kementerian Kesihatan dengan syarat mereka mempunyai rekod dan prestasi perkhidmatan yang cemerlang dan kesihatan yang baik;

ii. meneruskan syarat perkhidmatan wajib selama tiga (3) tahun kepada Pegawai Perubatan;

iii. menggunakan khidmat Pegawai Perubatan Swasta untuk bertugas di hospital-hospital Kerajaan secara *sessional ;*

iv. bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi dan JPA untuk menambahkan kuota pengambilan mahasiswa dalam bidang perubatan;

v. bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke

Malaysia' untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kerajaan;

vi. mengambil Pegawai Perubatan dan jururawat bukan warganegara secara kontrak;

vii. menambahbaik terma dan syarat-syarat perkhidmatan Pegawai Perubatan dan anggota paramedik dengan mewujudkan pelbagai insentif dan peluang kemajuan kerjaya yang baik. Antara insentif yang telah diperkenalkan termasuklah Elayn Wilayah, Elaun Perumahan Wilayah, Bayaran Insentif Pedalaman serta Elaun Perudara untuk anggota perkhidmatan kesihatan yang berkhidmat di Sarawak dan Sabah;

viii. memperkenalkan *Locum*, *Full Paying Patients* serta elaun-elaun dan insentif-insentif yang lebih menarik kepada Pegawai Perubatan termasuk insentif-insentif tertentu kepada anggota paramedik ; dan

ix. menempatkan pegawai-pegawai Perubatan yang berasal dari Sabah dan Sarawak untuk berkhidmat sekurang-kurangnya dua tahun di negeri-negeri tersebut.

Di samping itu juga, bagi memastikan rakyat Sarawak tidak dinafikan keperluan kesihatannya di kawasan-kawasan terpencil dan sukar dihubungi atau ketiadaan klinik-klinik kesihatan, Kementerian Kesihatan telah dan akan sentiasa menambahbaik perkhidmatan *flying squad service* mengikut keperluan supaya rakyat di kawasan pedalaman turut menikmati perkhidmatan kesihatan yang cekap.

NO: 18

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR (LEMBAH PANTAI)

TARIKH : 25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN : 18

Puan Nurul Izzah binti Anwar (Lembah Pantai) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan nama syarikat yang diberi kontrak secara runding terus untuk membaik pulih 50 set Electric Multiple Units (EMUs) kepunyaan KTM. Jelaskan mengapa tugas membaik pulih 15 daripada set 50 EMU di bawah kontrak 3 tahun masih tidak siap dan berapakah kos yang dibayar setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kontrak secara rundingan terus untuk membaik pulih 50 set *Electric Multiple Unit* (EMU) telah diberikan kepada Syarikat MKR Consortium Sdn. Bhd. (MKRC).

Projek ini mengalami kelewatan kerana masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor terbabit. Kerajaan telah memberi amaran dan surat tunjuk sebab kepada MKRC untuk memperbaiki kelemahannya dan mengatasi kelewatan yang dialami. Bayaran yang telah dibuat kepada kontraktor terbabit sehingga kini adalah sebanyak RM 45.18 juta.

SOALAN NO. : 19

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA**
		[PADANG TERAP]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan peratus rakyat Malaysia yang masih merokok mengikut kumpulan umur dan apakah langkah Kerajaan untuk mengurangkan jumlah perokok tegar di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Izinkan saya menjawab pertanyaan ini secara bersekali dengan pertanyaan daripada Y.B. Dr. Mohamed Hayati bin Othman (Pendang) bertarikh 14 Julai 2008 kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah berkaitan di antara satu sama lain.

Tuan Yang di-Pertua,

Laporan Tinjauan Kesihatan dan Mobiditi Kebangsaan Ketiga (*National Health & Morbidity Survey – NHMS III*), Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2006 mendapati bahawa prevalen merokok di kalangan rakyat dewasa Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas adalah 21.5% dan ia telah menurun sebanyak 2.0% berbanding prevalen tahun 1996.

Kerajaan Malaysia sememangnya memandang serius terhadap masalah merokok di kalangan rakyat Malaysia dan bagi melindungi kepentingan rakyat daripada ancaman tembakau/rokok. Oleh itu, pelbagai usaha telah, sedang dan akan dilaksanakan bagi membendung masalah rokok dan memastikan agar prevalen merokok dan seterusnya impak merokok dapat dikawal dengan sebaik mungkin melalui pendekatan berikut :

1. Kempen Cara Hidup Sihat, kesedaran bahaya tabiat merokok seperti Kempen Tak Nak Merokok dan Kempen Nafas Baru Bermula Ramadhan;

2. kawalan mendapatkan rokok (*limitation of access to cigarettes*) melalui peningkatan cukai dan harga rokok supaya tidak mudah diperolehi kanak-kanak, remaja dan golongan berpendapatan rendah;

3. penyediaan perkhidmatan berhenti merokok melalui Klinik Berhenti Merokok;

4. larangan promosi dan penajaan produk tembakau;

5. mewujudkan kawasan larangan merokok di tempat-tempat awam;

6. penguatkuasaan undang-undang di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004; dan

7. menjadi Negara Parti kepada *WHO Framework Convention For Tobacco Control* (*WHO-FCTC*)

Pelbagai usaha dan pendekatan yang dilaksanakan telah menunjukkan kesan positif dengan peningkatan tahap kesedaran dan pengetahuan umum tentang bahaya penggunaan tembakau. Kesedaran ini juga dapat dilihat melalui perubahan sikap dan amalan masyarakat dengan adanya penurunan prevalen merokok. Namun demikian, Kementerian Kesihatan akan terus berusaha dengan lebih giat untuk menurunkan prevalen merokok dengan lebih signifikan lagi.

Tiga jenis penyakit yang mempunyai kaitan yang jelas dengan tabiat merokok adalah penyakit sakit jantung (*ischaemic heart disease*), kanser paru-paru dan penyakit kesesakan nafas kronik (*chronic obstructive pulmonary disease*). Purata jumlah kos rawatan untuk ketiga-tiga penyakit ini di Malaysia adalah sebanyak RM 256.6 juta setahun. Sebahagian besar kos rawatan tersebut adalah ditanggung oleh Kerajaan iaitu sebanyak 83% manakala 17% kos tersebut ditanggung oleh keluarga pesakit. Oleh yang demikian, dengan penurunan kes penyakit-penyakit akibat daripada tabiat

merokok, secara tidak langsung akan dapat menjimatkan sumber-sumber yang amat banyak terutamanya dari segi perbelanjaan perubatan yang ditanggung oleh Kerajaan.

Kementerian Kesihatan amat prihatin dan sentiasa memberikan penekanan dalam melindungi kepentingan rakyat daripada ancaman tembakau/rokok terutamanya bagi membendung penularan tabiat merokok khususnya di kalangan golongan muda. Sehubungan dengan itu, Kementerian telah melancarkan Kempen 'Tak Nak' yang difokuskan terhadap generasi muda. Sehingga kini, Kementerian telah membelanjakan sejumlah 15.4 Juta untuk kempen media Anti Merokok 'Tak Nak Merokok' pada tahun 2004 dan sejumlah 7.1 juta pada tahun 2005 sehingga 2007. Bagi tahun 2008, sejumlah RM20 juta telah diperuntukkan untuk kempen media Tak Nak Merokok.

SOALAN NO: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN WEE CHOO KEONG [WANGSA MAJU]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1055**

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang bakal diambil terhadap warga Singapura yang sudah bertahun-tahun memasuki Malaysia menggunakan Pas Lawatan Sosial bulanan dan dalam masa yang sama mereka bekerja atau membuka perniagaan di sini dan kekal tinggal di Malaysia dan apakah tindakan yang akan diambil terhadap penyalah gunaan Pas Lawatan Sosial oleh warga Singapura tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat dari Wangsa Maju yang mengemukakan pertanyaan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik kemasukan warganegara asing ke Malaysia bagi tempoh 01 Januari 2008 hingga 30 April 2008 seramai **6,617,881 orang** telah memasuki Malaysia melalui pintu-pintu masuk yang telah diwartakan. Daripada jumlah tersebut, jumlah kemasukan warganegara asing daripada Singapura adalah seramai **3,553,595 orang** yang menyumbang kepada 53% daripada jumlah kemasukan. Mereka ini masuk ke Malaysia secara teratur dan mempunyai dokumen perjalanan dan pas yang sah berkaitan bagi melayakkannya untuk melancong, belajar mahupun bekerja di Malaysia.

Oleh yang demikian, seseorang warga asing yang memasuki Malaysia haruslah mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam Akta Pasport 1966 atau Akta Imigresen 1959/63 serta peraturan-peraturan Imigresen yang berkaitan. Dalam hubungan ini, bagi membendung tindakan warga Singapura yang memasuki Malaysia dengan menggunakan Pas Lawatan Sosial untuk bekerja atau membuka perniagaan di Malaysia, Kerajaan telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-

i) Mengadakan operasi penguatkuasaan bersama antara JIM, RELA dan PDRM secara berterusan untuk mengesan, menangkap, mendakwa dan mengusir warganegara asing yang melanggar syarat-syarat dan peraturan-peraturan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan Peraturan Imigresen 1963;

ii) Pemeriksaan rawak terhadap setiap warga asing yang memasuki Malaysia bagi memastikan bahawa mereka mempunyai duit yang mencukupi untuk tempoh berada di negara ini;

iii) Memperkenalkan sistem biometrik bagi memastikan cap jari semua pekerja asing diambil sebelum mereka dibenarkan masuk untuk bekerja di Malaysia;

iv) Mengadakan taklimat/dialog dengan masyarakat dan persatuan majikan bagi menjelaskan tentang undang-undang Imigresen yang harus dipatuhi;

v) Mengeluarkan *'i-card'* untuk semua pelajar dan pekerja asing supaya pihak penguat kuasa mudah mengenal pasti pelajar dan pekerja asing tulen; dan

vi) Memperkenalkan *Malaysia Enforcement Immigration System* (MEIS) bagi memudahkan tugas-tugas penguatkuasaan melalui pengesahan dokumen perjalanan warga asing adalah

tulen berdasarkan semakan dengan pusat pangkalan data JIM. Mekanisme ini juga diyakini akan mampu membantu pihak penguat kuasa melakukan operasi di lokasi-lokasi tempat mereka bekerja seperti di tapak pembinaan dan kilang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi tempoh 1 Januari 2008 hingga 30 April 2008 sebanyak **2,050 buah** operasi penguatkuasaan dan berjaya menangkap seramai **20,098 orang** PATI kerana melakukan berbagai kesalahan imigresen. Daripada jumlah tangkapan tersebut, seramai **5 orang** warga Singapura ditangkap kerana melakukan kesalahan **tinggal melebihi masa (tempoh) yang dibenarkan (kesalahan di bawah seksyen 15 (1)(c) Akta Imigresen 1959/63)** dan **menyalahgunakan Pas Lawatan/Permit Kerja yang dikeluarkan (Kesalahan di bawah Peraturan 39 (b) Peraturan-Peraturan Imigresen 1963).**

SOALAN NO: 21

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANAWIT]

TARIKH : 25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN : OLEH TUAN AARON AGO ANAK DAGANG [KANOWIT] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan:-

Apakah sebab-sebab harga input pertanian seperti baja dan racun meningkat begitu tinggi sekali dan berapakah peratusan peningkatan harga barang-barang tersebut semenjak ianya naik dalam beberapa tahun yang lalu.

JAWAPAN : Oleh Y.B. MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

Tuan Yang Dipertua,

Kenaikan harga input pertanian seperti baja dan racun adalah disebabkan oleh kenaikan harga petroleum pasaran dunia. Petroleum

adalah bahan asas bagi pengeluaran baja kimia. Harga baja di pasaran tempatan juga telah meningkatkan antara **26% hingga 125%** seperti harga baja sebatian 15:15:15 telah meningkat daripada RM868/tan pada tahun 2003 kepada RM1,954/tan pada tahun 2008.

Sementara harga racun pula telah meningkat antara **44% hingga 97%.** Sebagai contoh, harga racun serangga perosak Malathion telah meningkat daripada RM96/4liter pada tahun 2003 kepada RM180/4liter pada tahun 2008. Keadaan ini telah menyebabkan kos pengeluaran meningkat sebanyak 44% bagi buah-buahan dan 55% bagi sayur-sayuran bagi tempoh tersebut.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan kos input pertanian. Antara langkah-langkah yang diambil adalah :-

(i) Menggalakkan pengeluaran input pertanian dalam negara dengan penyediaan insentif pengecualian cukai atau elaun cukai untuk syarikat-syarikat yang terlibat dalam pengeluaran benih dan bahan tanaman, baka ternakan, benih akuakultur, pemprosesan sisa buangan dan produk sampingan pertanian, tanaman untuk makanan ternakan serta ubat dan makanan ternakan;

(ii) Menggalakkan penggunaan baja organik disamping penggunaan baja kimia. Penggunaan baja organik dapat memperbaiki struktur dan keupayaan tanah dalam tempoh jangka panjang. Di samping itu, pengusaha juga digalakkan untuk menghasilkan baja kompos daripada sisa tanaman seperti jerami padi dan tandan kelapa sawit;

(iii) Menggalakkan pengusaha mempraktikkan kaedah Pengurusan Perosak Bersepadu (*Integrated pest Management*) bagi mengurangkan kos racun perosak. Kaedah IPM menumpukan kepada cara dan teknik kawalan semulajadi untuk merendahkan populasi perosak.

(iv) Mempergiatkan pengeluaran tanaman melalui pertanian *precise* menggunakan kaedah fertigasi di bawah pelindung hujan. Kaedah ini dapat menjimatkan baja dan racun perosak di samping memberi hasil pengeluaran yang tinggi;

(v) Mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang teknologi Pengurusan Baja iaitu dengan menggunakan baja secara tetap berdasarkan kepada peringkat pertumbuhan tanaman dan penggunaan baja yang murah iaitu menggunakan baja yang murah iaitu menggunakan baja asas seperti *Triple Super Phosphate, Muriate of Potash* dan urea; dan

(vi) Pelaksanaan Program Input Pertanian Bersepadu di antara NAFAS, Pertubuhan Peladang Negara dan Pertubuhan Peladang Kawasan bagi membekalkan input pertanian yang berkualiti pada harga yang kompetitif kepada ahlinya.

NO: 22

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TAN SRI DATO' ABD. KHALID BIN IBRAHIM**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO.PERTANYAAN	:	**NO.22**

Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian ada membuat penyelidikan tentang kemungkinan pelaksanaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) sebagai penyebab kepada kebolehan keluaran universiti di Malaysia bertaraf rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [*Akta 30*] (selepas ini dirujuk sebagai "AUKU") telah diwartakan pada 29 April 1971 dan mula berkuatkuasa pada 30 April 1971. AUKU merupakan suatu Akta yang telah diwujudkan bagi maksud menubuh, menyelenggara dan mentadbir universiti dan kolej universiti awam di Malaysia. Pelaksanaan AUKU adalah penting bagi memastikan perjalanan tadbir urus universiti awam negara ini sentiasa berada di landasan yang betul dan tidak menyimpang dari matlamat asal penubuhan.

Adalah dimaklumkan bahawa AUKU tidak menghalang kebebasan pelajar untuk menyertai mana-mana organisasi, badan pertubuhan atau persatuan dengan syarat mendapat kebenaran secara bertulis daripada Naib Canselor. Syarat ini adalah bagi memastikan penglibatan pelajar dalam persatuan tidak menjejaskan pelajaran mereka serta mengelak berlakunya perkara yang menyalahi undang-undang dan peraturan yang sedia ada.

Pelbagai langkah telah diambil untuk menarik lebih ramai pelajar bergiat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan antaranya:-

i. memberi galakan menyertai program khidmat masyarakat dan bakti siswa menerusi persatuan dan kelab yang berdaftar di universiti;
ii. memberi kesedaran kepada mahasiswa mengenai kebaikan aktiviti kemasyarakatan kepada pelajar dan penduduk setempat;dan
iii. mengiktiraf penglibatan pelajar dengan menganugerahkan sijil penghargaan.

Walau bagaimanapun, bagi meneliti dan menyemak peruntukan-peruntukan yang terdapat dalam AUKU secara menyeluruh, Kementerian telah menubuhkan satu Jawatankuasa Menyemak dan Mengkaji AUKU. Jawatankuasa ini telah membuat perakuan untuk meminda beberapa fasal tertentu di dalam Akta tersebut. Rang Undang-undang pindaan AUKU telah disediakan dan sedang diteliti oleh Pejabat

Peguam Negara dan dijangka akan dapat dibentangkan di Parlimen dalam tahun ini juga.

Soalan 23

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIANG TECK MENG [SIMPANG RENGGAM]**

TARIKH : **25 JUN 2008 (RABU)**

SOALAN : Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tindakan yang diambil terhadap penternak – penternak ayam di dalam ladang sawit yang telah menimbulkan masalah pencemaran yang membawa banyak lalat di kawasan tempat kediaman berhampiran.

Jawapan : **Y.B MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA**

Tuan Yang Dipertua,

Masyarakat umum sering mengaitkan penternakan ayam dengan pencemaran bau dan lalat, walaupun bukan industri ini yang perlu dipersalahkan sepenuhnya.

Dalam menangani sebarang masalah pencemaran sama ada lalat, bau dan lain – lain lagi kesan daripada penternakan ayam ini, tindakan yang dikenakan harus berdasarkan hasil penyiasatan. Jadi, ini perlu dipastikan punca aduan tersebut sama ada disebabkan sensitiviti masyarakat setempat atau sememangnya penternak tersebut telah melakukan kesalahan mengikut Enakmen Perladangan Unggas.

Di Johor, dengan pewartaan dan penguatkuasaan Enakmen Perladangan Unggas Negeri Johor, sebarang aduan dan tindakan berkaitan isu penternakan unggas perlu dirujuk kepada Enakmen ini. Maklumat daripada penyiasatan aduan akan digunapakai bagi menentukan sama ada berlaku atau tidak perlanggaran Enakmen tersebut dan seterusnya tindakan yang akan dikenakan kepada penternak terbabit. Sekiranya hasil penyiasatan itu menunjukkan sikap penduduk setempat tidak 'mesra' dengan penternakan ayam walaupun penternak mematuhi Enakmen, kesedaran harus diberi kepada mereka bahawa sebenarnya masalah ini boleh disebabkan oleh aktiviti lain seperti ladang tanaman yang menggunakan najis ternakan yang basah atau tidak diproses, industri pengilangan kelapa sawit dan getah atau sisa buangan domestik yang tidak diurus dengan baik. Tetapi sekiranya didapati penternak terbabit melanggar Enakmen tersebut, tindakan seperti menggantung lesen penternakan, mengenakan kompaun atau diarah menutup operasi penternakan mengikut kesalahan masing – masing berdasarkan klausa dalam Enakmen Perladangan Unggas Negeri Johor akan dikenakan.

Di samping itu, bagi mengurangkan isu pencemaran bau dan lalat, para penternak digalakkan menggunakan mikrob berkesan atau EM (*Effective Micro-organism*) di dalam penternakan. Kerajaan Negeri Johor telah menubuhkan satu jawatankuasa khas bagi memantau pembangunan teknologi EM. Hasil maklum balas pemantauan tersebut mendapati ianya dapat mengurangkan pencemaran bau dan lalat dari ladang penternakan unggas selain daripada meningkatkan pengeluaran dan pendapatan serta mengurangkan kos operasi.

SOALAN NO. : 24

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN (KINABATANGAN)**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Datuk Bung Moktar Bin Radin (Kinabatangan) minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan tentang cadangan pembinaan pusat-pusat Kesihatan di Kawasan Parlimen Kinabatangan antaranya Kg. Pinangah, Kg. Sukau, Kg Tundun Bohangin dan Kg. Lubukan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kg. Penangah dan Kg. Sukau telahpun mempunyai sebuah Klinik Kesihatan. Namun demikian, bangunan Klinik Kesihatan Sukau telah terbakar dan kini sedang di dalam proses tender bagi pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 6 di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Kementerian Kesihatan belum bercadang untuk membina klinik kesihatan khususnya di kampung-kampung berkenaan di bawah RMK-9 memandangkan keupayaan Kementerian ini untuk menyediakan bilangan anggota perubatan khususnya Pegawai

Perubatan masih lagi terhad dan tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, kedua-dua kampung ini telah diberikan keutamaan bagi pembinaan klinik-klinik di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh dan kampung-kampung ini boleh mendapatkan perkhidmatan kesihatan melalui perkhidmatan yang disediakan oleh Klinik Desa Mumiang yang jaraknya lebih kurang 30 minit perjalanan dengan menggunakan bot.

NO : 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATO' SERI TIONG KING SING (BINTULU)
TARIKH	:	25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN:

Dato' Seri Tiong King Sing (Bintulu) minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan :-

(a) Adakah pihak Kementerian berhasrat untuk menyerapkan Penggerak Rakan Muda yang berkelayakan yang mempunyai prestasi kepada Jawatan Lantikan Tetap di dalam Kementerian; dan

(b) Apakah perancangan masa depan program Rakan Muda ini supaya lebih menyerlah dan efisien untuk membangunkan golongan remaja di negara kita.

JAWAPAN

(a) Tiada jawatan tetap yang khusus bagi Penggerak Rakan Muda Parlimen yang diambil berkhidmat pada masa ini. Sebaliknya jawatan Penggerak Rakan Muda ini adalah merupakan perkhidmatan secara kontrak yang diluluskan oleh agensi pusat (JPA dan Perbendaharaan) berdasarkan keperluan semasa atas

dasar setahun ke setahun. Soal untuk menyerapkan mereka sebagai lantikan tetap adalah tidak berbangkit.

Pelantikan bagi perkhidmatan kontrak Penggerak Rakan Muda Parlimen yang sedia ada adalah dibuat berasaskan jawatan Penolong Pegawai Belia dan Sukan Gred S27 Pelantikan tetap ke perkhidmatan awam dalam Gred 17 dan ke atas adalah di bawah bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA). Kementerian tidak mempunyai bidang kuasa dalam urusan pengambilan dan pelantikan ke jawatan tetap tersebut.

Penggerak Rakan Muda Parlimen yang berhasrat untuk berkhidmat dalam apa-apa jawatan yang berkenaan dalam perkhidmatan awam perlu membuat permohonan jawatan melalui SPA. Pengalaman berkhidmat secara kontrak tersebut seharusnya memberi kelebihan kepada mereka di dalam urusan pemilihan yang dijalankan.

(b) Melalui proses penjenamaan semula Rakan Muda pada 29 Mei 2007 yang dilancarkan oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia beberapa program dan pendekatan baru telah dan sedang dilaksanakan oleh Bahagian Pembangunan Rakan Muda bagi lebih menyerlahkan pelaksanaannya untuk membangunkan golongan remaja di negara kita. Beberapa pendekatan baru telah mula dilaksanakan oleh Bahagian ini iaitu seperti berikut :-

i. **PENUBUHAN KELAB RAKAN MUDA**

Pelaksanaan Program Rakan Muda ini bertunjangkan kepada 219 Kelab Rakan Muda di setiap kawasan komuniti di peringkat Parlimen sebagai penggerak pembangunan remaja dan belia yang lebih menyeluruh. Kelab ini akan menggerak, merancang, melaksana dan menilai Program Gaya Hidup kepada ahli-ahli berdaftar di kawasan komuniti berkenaan. Pelaksanaan Program Gaya Hidup Rakan Muda ini diperkukuhkan lagi melalui kerjasama dengan 10 agensi Kerajaan yang mempunyai kepakaran dan rangkaian kerja khusus dalam bidang seni dan budaya, kerja-kerja kebajikan dan kemasyarakatan, pemuliharaan alam sekitar, latihan dan pembangunan keusahawanan, pertanian dan asas tani, kemajuan sains teknologi dan inovasi serta pembangunan sumber manusia. Selain itu, kerjasama antara agensi adalah berdasarkan kepada kumpulan khusus kemajuan tanah dan Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan serta Institusi Pengajian Tinggi bagi menjurus ke semua peringkat lapisan masyarakat yang berusia 15-25 tahun.

ii. **PENUBUHAN SEKRETARIAT RAKAN MUDA IPT / IKBN DAN DAERAH**

Bagi memperkukuhkan lagi mekanisme pelaksanaan, sebanyak 32 buah Sekretariat Rakan Muda di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta telah berdaftar dengan Kementerian melalui Bahagian Pembangunan Rakan Muda. Sekretariat Rakan Muda yang sedia ada ianya telah disusun semula supaya dapat memainkan peranan untuk mendaftar keahlian, menentukan dasar, menjadi penghubung antara kerajaan dengan remaja sama ada di dalam atau pun luar IPT. Kementerian telah memperkukuhkan dan memperluaskan penubuhan Sekretariat Rakan Muda di semua sektor komuniti termasuklah fokus

utama di Kawasan Dewan Undangan Negeri melalui penubuhan Sekretariat Rakan Muda di semua Kompleks Sukan Komuniti serta Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) bagi memastikan capaian program ini menyeluruh dan sampai ke peringkat negeri, kampung dan mukim.

Sekretariat Rakan Muda ini akan bertanggungjawab sebagai sebuah institusi mendidik gaya hidup positif di kalangan remaja dengan kerjasama pemimpin dan pihak berkuasa di semua sektor berkenaan. Melalui Sekretariat Rakan Muda ini juga, ianya akan berperanan sebagai badan operasi Sukarelawan Rakan Muda bagi merancang dan melaksanakan program dan aktiviti sukarelawan di peringkat lokaliti.

iii. KOMPLEKS RAKAN MUDA DAN PUSAT KEGIATAN RAKAN MUDA

Pertubuhan sukarela juga akan turut digembleng bersama dalam Program Rakan Muda Fasa II ini. Semua 16 buah Kompleks Rakan Muda akan berfungsi sebagai Pusat Kegiatan utama aktiviti dan program Rakan Muda di mana program latihan, pendaftaran dan pengurusan Rakan Muda dilaksanakan secara optima. Pengujudan Pusat Kegiatan Rakan Muda di setiap kawasan komuniti yang terpilih seperti di Pejabat Belia dan Sukan Daerah dan di Kompleks Rakan Muda di seluruh negara juga merupakan satu pendekatan yang digunakan oleh Kementerian ini bagi memberi peluang kepada golongan muda terutamanya di kawasan luar bandar untuk merancang dan melaksanakan aktiviti Rakan Muda.

iv. GO 'MOBILE' (JELAJAH RAKAN MUDA)

Pada 1 Disember 2007, Bahagian Pembangunan Rakan Muda juga telah melancarkan Go 'Mobile' (Jelajah Rakan Muda) di Sungai Wang Plaza, Kuala Lumpur bagi mempromosikan Program Rakan Muda Fasa II ke peringkat akar umbi melalui pendekatan *'Out Reach'*. Selain itu juga van tersebut akan menyampaikan informasi dan maklumat terkini melalui program-program Kementerian Belia dan Sukan kepada generasi muda. Melalui *Go Mobile* tersebut, ianya akan menarik minat golongan di pelbagai penempatan belia untuk menyertai program Rakan Muda untuk mengurangkan *'indicator'* masalah sosial terutamanya remaja berpeleseran dan remaja yang tidak menggunakan masa lapang secara produktif. Pada tahun ini Bahagian ini akan menambahkan lima unit lagi 'Go Mobile' tersebut di negeri seperti Johor, Terengganu, Pahang, Selangor dan Pulau Pinang.

v. PROGRAM RAKAN MASYARAKAT SUKARELAWAN RAKAN MUDA ANTARABANGSA

Program Sukarelawan Rakan Muda merupakan program perintis Kementerian Belia dan Sukan Malaysia selain daripada program pertukaran belia yang sedia ada. Program ini bertujuan untuk meningkatkan persefahaman dan kerjasama di antara golongan remaja negara-negara ASEAN dan memberikan kefahaman yang lebih mendalam tentang konsep kesukarelaan yang menjurus kepada penglibatan golongan muda terhadap kerja-kerja sukarela. Bahagian Rakan Muda akan melaksanakan program yang akan disertai oleh seramai 50 orang Sukarelawan Rakan Muda ini pada 7-12 Disember 2007 di Cambodia.

Antara objektif utama program ini adalah untuk mendedahkan golongan Rakan Muda kepada dunia luar sebagai teras pembinaan keyakinan diri serta peningkatan ilmu yang bakal membina personaliti dan berminda global. Pada tahun ini, Bahagian ini berhasrat untuk mengembangkan lagi Program Kesukarelaan Antarabangsa tersebut di beberapa negara luar seperti di Afrika Selatan dan di Vietnam.

vi. **SKUAD RM-IDOL**

Program Rakan Muda merupakan sebuah program pembangunan sosial dengan tumpuan untuk melahirkan generasi pewaris yang sempurna, bertanggungjawab, aktif, berkeyakinan dan berupaya mengawal diri serta terhindar dari terlibat dengan amalan-amalan negatif. Penekanan kepada elemen pembangunan diri remaja, seperti patriotisme, kesukarelaan, berbudaya, pendidikan moral, pembangunan dan telah diselaraskan dengan pembentukan modal insan yang di beri penekanan oleh kepimpinan negara. Sehubungan dengan itu melalui pelaksanaan Rakan Muda Fasa II, satu kumpulan yang dinamakan *SKUAD RM-IDOL* telah di bentuk.

Kumpulan itu akan menyediakan individu sukarela secara berpasukan yang akan menyemarakkan aktiviti Kementerian Belia dan Sukan umpamanya Kelab Rakan Muda, Anugerah Remaja Perdana, 7 Gaya Hidup, Sekretariat Rakan Muda, Kecergasan, Kesukarelaan, Kepimpinan, Pembangunan NGO dan sebagainya. Selain itu, ianya juga akan menyediakan pasukan sukarelawan yang mantap dan berkemahiran, terlatih dari kalangan remaja yang berkemampuan memberikan perkhidmatan pada bila-bila masa dan di mana-mana di samping menyediakan pasukan sukarelawan yang berkebolehan memberikan perkhidmatan sukarela kepada masyarakat setempat.

SOALAN 26

PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
PARLIMEN KEDUABELAS (2008) DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
	:	**Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana Wisma Putra membuka ruang kepada orang ramai khususnya ahli akademik dan pelajar peringkat sarjana dan doktor falsafah untuk membuat kajian mengenai dasar luar Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih di atas soalan yang telah dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat Libaran.

2. Kementerian ini dari masa ke semasa ada menerima pelajar-pelajar peringkat sarjana dan doktor falsafah dari Pusat Pengajian Tinggi tempatan yang mengunjungi Bahagian–bahagian tertentu di Kementerian ini untuk membuat penyelidikan berkaitan dasar luar Malaysia dan juga topik-topik berkaitan antarabangsa. Perpustakaan

Kementerian Luar Negeri juga terbuka untuk mereka yang ingin membuat kajian.

3. Berkaitan ini juga, semenjak tahun 1999 Kementerian Luar Negeri melalui Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IDFR) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ada menawarkan program Sarjana Sains Sosial (Strategi dan Diplomasi) pada orang ramai yang layak setiap tahun. Bagi program yang baru tamat pada bulan Jun 2008, seramai 13 pelajar yang terdiri dari pelbagai sektor dan termasuk pelajar dari luar negara telah mengikuti program tersebut dengan jayanya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan	:	**LISAN**
Daripada	:	**DATUK NUR JAZLAN BIN MOHAMED [PULAI]**
Tarikh	:	**RABU, 25 JUN 2008**

SOALAN

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan sama ada Kementerian mengubah tumpuan aktiviti JASA dari bersifat agama Islam kepada aktiviti bersifat masyarakat majmuk yang lebih berkesan bagi menarik golongan bukan Melayu dan bukan Islam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih diucapkan kepada YB Pulai atas soalan yang dikemukakan. Tumpuan aktiviti JASA ialah untuk memperjelas serta mempromosi dasar-dasar dan tindakan-tindakan Kerajaan dan tidak hanya aktiviti bersifat agama semata-mata. Tumpuan JASA kepada perkara ini tidak pernah berubah. Memandangkan usaha ini dibuat secara menyeluruh maka aktiviti JASA meliputi semua pihak tidak kira sama ada kepada orang Islam mahupun bukan Islam.

Soalan 28

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. Datuk Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]**
TARIKH	:	**25 Jun 2008 (Rabu)**
SOALAN	:	

Minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan

a. pelaburan dan jenis projek industri berasaskan pertanian dalam tempoh RMK-9 oleh agensi Kerajaan, Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC), syarikat swasta dan asing;

b. peluang peningkatan ekonomi dan sosial rakyat luar bandar berkaitan dengan pelaburan dan projek-projek tersebut di atas.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk menjadikan pertanian sebagai salah satu jentera pertumbuhan ekonomi yang baru bagi negara, usaha-usaha telah dilakukan dalam mentransformasikan sektor ini ke arah pertanian komersial, melahirkan lebih ramai petani berpendapatan tinggi serta menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta termasuk pelaburan asing.

Tuan Yang Di Pertua,

2. Sejak pelaksanaan RMK9 telah terdapat peningkatan yang ketara dari segi bilangan syarikat dan jumlah pelaburan yang dibuat oleh agensi Kerajaan serta syarikat swasta tempatan dan asing. Pada tahun 2006, terdapat 27 buah syarikat yang telah melabur dalam sektor agro-makanan telah diluluskan insentif pengecualian cukai bernilai RM 107.93 juta. Sehingga Mac 2008, jumlah syarikat yang melabur di dalam sektor agro-makanan telah diluluskan insentif pengecualian cukai sebanyak 267 syarikat dengan nilai pelaburan sebanyak RM 3.02 billion.

3. Selain itu, pelaburan dalam projek-projek perkilangan berasaskan pertanian yang telah diluluskan oleh *Malaysia Industrial Development Authority* (MIDA) dari tahun 2006 sehingga Februari 2008 adalah bernilai RM 2.1 billion meliputi 112 projek. Daripada jumlah ini sebanyak RM 180.96 juta adalah terdiri daripada pelabur tempatan dan RM 1.93 billion adalah daripada pelabur asing. Pelaburan ini merangkumi subsektor tanaman sebanyak 4 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM 87.59 juta, subsektor ternakan 12 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM 85.50 juta, subsektor perikanan 3 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM 24.20 juta dan subsektor industri asas tani 93 projek dengan nilai RM 1,917.10 juta. Secara keseluruhannya, kira-kira RM 9.04 billion telah dilaburkan oleh syarikat swasta di dalam sektor agro-makanan.

4. Bagi galakan untuk pengeluaran di dalam sektor agro-makanan, syarikat-syarikat yang berminat untuk melabur dalam sektor pertanian dan juga mengusahakan ladang pengeluaran makanan secara komersial,

kerajaan telah menyediakan tawaran insentif dalam bentuk insentif fiskal dan insentif bukan fiskal Di samping itu, Kerajaan berharap agar kemudahan insentif ini menjadi pemangkin dalam menambah pengeluaran bahan makanah dan mengurangkan pergantungan bekalan yang diimport bagi menjamin keselamatan bekalan makanan negara.

5. Antara projek pertanian yang diusahakan oleh syarikat swasta contohnya di negeri Perak ialah IMM White Button Mushrooms (M) Sdn. Bhd yang mempunyai nilai pelaburan kira-kira RM 10 juta. Selain itu, QL Foods Sdn Bhd yang melabur kira-kira RM 21 juta dalam pengeluaran surimi dan produk berasaskan surimi. Kedua-dua contoh syarikat ini adalah dengan usahasama antara pelabur tempatan dan asing.

Tuan Yang Dipertua,

6. Melalui penglibatan syarikat swasta tempatan dan asing ini di bidang pertanian dan industri asas tani, ia telah mewujudkan peluang pekerjaan sebanyak 1318 orang. Pelaburan ini pastinya memberi kesan berganda kepada pelbagai sektor berkaitan pertanian misalnya pengangkutan, borong dan runcit serta jualan produk termasuk produk siap, dengan izin *finished product.* Di samping itu, pembabitan ramai peniaga sebagai peserta dalam program pasar tani di seluruh Malaysia juga telah meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat tani. Melalui lima jenis pasar tani yang dianjurkan oleh Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), bilangan peserta pasar tani meningkat kepada 12,850 orang peserta pada tahun 2007 berbanding 8,208 orang peserta pada tahun 2004. Dengan pertambahan peserta dalam aktiviti pemasaran ini, program

pasar tani di seluruh Malaysia pada tahun 2007 telah memberikan nilai hasil jualan sebanyak RM 374.61 juta kepada golongan peniaga terbabit.

7. Sebagai contoh, usahawan bumiputera yang telah berjaya dalam bidang pemprosesan makanan telah membuat pelaburan dalam sektor industri asas tani di luar negara ialah Noraini Cookies Worldwide Sdn Bhd yang menjalankan aktiviti pemprosesan biskut di Kazakhstan secara usahasama dengan Syarikat Noraini Atameken Kaz dan melabur dalam alatan pemprosesan dan penyediaan produk (formulasi). Nilai anggaran pelaburan yang dibuat ialah RM 536,000.00.

SOALAN NO. 29

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR]

TARIKH : 25 Jun 2008

SOALAN:

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang beliau ambil untuk memupuk objektif Bangsa Malaysia sejajar dengan Wawasan 2020 memandangkan masalah polarisasi kaum kini semakin memburuk berikutan dengan bunyi riuh komunal mengenai "ketuanan Melayu" atau "kedaulatan Melayu".

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perpaduan dan integrasi nasional sememangnya merupakan salah satu aspirasi utama Kerajaan. Kita percaya bahawa sebuah negara bangsa yang utuh hanya akan dapat lahir hasil daripada perpaduan yang teguh dan mantap.

Bagaimanapun, negara yang aman dan makmur tidak mungkin lahir dengan sendirinya. Atas kesedaran inilah maka Kerajaan senantiasa berusaha untuk memastikan agar pembangunan ekonomi negara terus berlangsung dengan pesat, di samping memastikan agar tiada mana-mana golongan yang merasakan mereka ketinggalan dalam arus perdana pembangunan negara.

Di samping memastikan kesaksamaan dan keadilan ekonomi di kalangan rakyat, Kerajaan juga turut berusaha untuk memupuk semangat kekitaan melalui sistem pendidikan, program-program perpaduan negara, program latihan Khidmat Negara, dan pelbagai inisiatif lain.

Sesungguhnya Kerajaan percaya bahawa kita akan mampu membina sebuah negara yang aman, makmur dan bersatu padu sekiranya semua pihak dapat sama-sama berusaha untuk membina semangat perpaduan yang jitu dan kental.

Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan semua pihak bahawa retorik yang bersifat perkauman – yang berpunca dari mana-mana kaum sekalipun – akan hanya menimbulkan suasana tegang di kalangan rakyat, yang pastinya akan membantutkan usaha ke arah mencapai matlamat perpaduan nasional. Saya percaya bahawa keadaan antara kaum tidaklah begitu teruk sehingga mencapai tahap "polarisasi kaum yang semakin buruk" sebagaimana yang didakwa oleh Y.B. Ipoh Timur. Namun demikian, kita harus senantiasa berwaspada agar keadaan aman dan makmur yang sedia ada ini tidak akan diganggu gugat oleh mana-mana tindakan yang akan membawa kepada perpecahan dan perselisihan faham di kalangan rakyat.

Sekian, terima kasih.

Soalan No. 30

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK SERI MUHAMMA LEO MICHAEL TOYAD BIN ABDULLAH (MUKAH)**

TARIKH : **25 JUN 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah Jalan Kampung Tellian/Kampung Sesok/Kampung Sau, di daerah Mukah akan dilaksanakan dan berapakah peruntukan yang telah diluluskan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di- Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah RMKe-9 peruntukan bagi projek naik taraf jalan Kg. Sesok/Kg. Sau, di daerah Mukah, Sarawak adalah sebanyak RM14.0 juta. Projek ini merupakan sambungan daripada projek naik taraf jalan Kg. Tellian Ulu/Kg. Penakub Ulu, Mukah yang telah siap pembinaan pada September 2005. Pembinaan projek ini akan dilaksanakan dalam tahun 2008 ini.

NO. SOALAN : 31

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN : TUAN HAJI NASHARUDIN BIN MAT ISA [BACHOK]

Minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Jabatan Pembangunan Persekutuan di Kelantan akan dihapuskan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Ini adalah kerana JPPK telah memainkan peranannya dengan berkesan untuk turut mensejahterakan rakyat melalui berbagai program dan projek yang dilaksanakan. Perkara ini juga telah diakui oleh berbagai pihak di negeri Kelantan.

NO:32

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.32**

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapa ramaikah Pelajar Malaysia di Rusia dan India bermula 2005-2008.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut rekod yang ada pada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), jumlah pelajar Malaysia yang menuntut di Rusia adalah seperti berikut:-

i. Tahun 2005 - 518 orang
ii. Tahun 2006 – 444 orang
iii. Tahun 2007 – 514 orang
iv. Tahun 2008 – 61 orang (sehingga Mei 2008)

Manakala jumlah pelajar Malaysia yang menuntut di India adalah:-

i. Tahun 2005 – 220 orang
ii. Tahun 2006 – 193 orang
iii. Tahun 2007 256 orang
iv. Tahun 2008 – 76 orang (sehingga Mei 2008)

SOALAN : NO. 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B IR HAJI HAMIM BIN SAMURI [LEDANG]**
TARIKH JAWAPAN DI DEWAN RAKYAT	:	**25 JUN 2008 (RABU)**

SOALAN

YB. Ir. Haji Hamim bin Samuri minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan adakah Kementerian sedang membuat kajian tentang pembangunan teknologi tenaga alternatif nuklear, solar, air, getah dan lain-lain selain daripada penggunaan biofuel dalam usaha untuk menyelamatkan bahan makanan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan sedar akan usaha-usaha oleh negara-negara lain yang menggunakan bahan makanan seperti tebu dan jagung untuk menggantikan sumber tenaga fosil bagi memenuhi keperluan tenaga masing-masing. Penggunaan bahan makanan untuk kegunaan

sebegitu dikhuatiri menjejaskan lagi bekalan makanan dunia, lebih-lebih lagi dalam keadaan krisis makanan yang kini melanda dunia.

Di negara kita, sumber-sumber bukan berasaskan makanan (*non-food*) digunakan sebagai sumber tenaga boleh diperbaharu (Renewable Energy- RE) untuk penjanaan tenaga elektrik. Sumber-sumber RE yang dikenalpasti untuk dibangunkan termasuklah *biomass*, biogas, solar, mini hidro dan sisa buangan bandaran.

Sumber-sumber *biomass* yang digunakan oleh pemaju RE seperti sisa sawit tidak memberi persaingan secara langsung kepada industri makanan. Sumber-sumber tenaga RE lain pula seperti biogas, mini hidro, sisa buangan bandaran dan solar adalah sumber-sumber yang bukan berasaskan makanan.

Memandangkan kenaikan harga bahan api fosil secara mendadak dua tahun kebelakangan ini, kajian sedang dibuat oleh Kerajaan untuk mengkaji kemungkinan menggunakan tenaga nuklear sebagai salah satu sumber penjanaan tenaga elektrik di negara ini pada masa hadapan.

Berhubung dengan pembangunan teknologi bagi biofuel untuk tujuan pengangkutan, saya ingin menjelaskan ianya bukanlah di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi.

SOALAN NO: 34

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID [KUALA KURAU]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1056**

SOALAN :

Tuan Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Kurau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia meminda Akta Polis bagi memberi kuasa kepada polis untuk menangkap dan mengambil tindakan undang-undang kepada pelajar yang ponteng sekolah dan melakukan salah laku semasa di dalam dan di luar kawasan sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kurau yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri bersama-sama dengan PDRM sedang meneliti dan mengkaji pindaan Akta Polis 1967. Cadangan bagi memberi kuasa kepada polis untuk menangkap dan mengambil tindakan undang-undang kepada pelajar yang ponteng sekolah dan melakukan salah laku semasa di dalam dan di luar kawasan sekolah akan dipertimbangkan dengan mengambil kira pandangan dan maklum balas daripada pelbagai agensi / Kementerian yang berkaitan.

NO. SOALAN : 35

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN : DR HIEW KING CHEU [KOTA KINABALU]

Minta PERDANA MENTERI menyatakan statistik kontrak projek-projek persekutuan yang telah diberikan (awarded) di Sabah sejak tahun 1994 sehingga tahun 2007 mengikut Kelas PKK masing-masing serta mengikut kawasan Parlimen di Sabah.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, statistik kontrak projek-projek persekutuan yang telah diberikan (awarded) di Sabah dilaporkan setakat 2003 – 2007 sahaja berdasarkan kepada rekod Perbendaharaan Negeri Sabah/Lembaga Perolehan Persekutuan Negeri Sabah seperti berikut:

TAHUN	BILANGAN KONTRAK PROJEK MENGIKUT KELAS PKK					
	A	B	C	D	E	F
2007	3	30	8	27	9	*3,680
2006	3	4	16	25	26	*3,281
2005	5	4	6	13	19	516
2004	0	1	6	19	10	504
2003	0	1	20	28	25	**
JUMLAH	11	40	56	112	89	7,981

* termasuk projek untuk PIA dan PIAS oleh ICU

**maklumat tidak diperolehi

NW: '36

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (Rabu)**
SOALAN	:	~~22~~ '36

Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah polisi-polisi dan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pekerja dan pegawai daripada golongan bukan Bumiputera di sektor awam.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) sentiasa proaktif bagi memastikan peningkatan bilangan warga bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam.

Di antara langkah-langkah yang di ambil adalah mengadakan Hari SPA Bersama Pelanggan di Ibu Pejabat SPA Putrajaya pada hari Selasa minggu keempat setiap bulan. Selain daripada itu, Hari SPA Bersama Pelanggan juga diadakan di luar ibu pejabat. Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai terutamanya bukan Bumiputera mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh SPA dan cara-cara memohon untuk jawatan di dalam Perkhidmatan Awam. Selain daripada itu, langkah-langkah yang telah dijalankan adalah Hari Kerjaya anjuran IPTA/S dan mengiklankan jawatan-jawatan yang layak dipohon kepada orang ramai.

Semasa Hari SPA Bersama Pelanggan, pelbagai aktiviti telah dijalankan ceramah, taklimat dan tayangan video korporat SPA. Aktiviti tersebut bertujuan menjelaskan sebarang persoalan dan kemusykilan orang ramai mengenai SPA. Sebagai contoh, SPA telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan di SMJK Chong Hwa, Gombak dan SMJK Yu Hua, Kajang bagi tujuan pendedahan mengenai SPA kepada kaum bukan Bumiputera. SPA juga telah mengadakan Hari Bersama Pelanggan di Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Petaling

Jaya untuk memberi pendedahan khas kepada mahasiswa kaum Cina mengenai cara-cara untuk menyertai Perkhidmatan Awam. SPA juga menjemput sekolah-sekolah Cina menyertai Hari SPA Bersama Pelanggan.

Selain daripada Hari SPA Bersama Pelanggan, SPA juga menyertai Hari Kerjaya yang dianjurkan oleh Institut Pengajian Tinggi Awam dan Swasta. Tujuan program ini adalah sama iaitu bagi memberi pendedahan kepada orang ramai terutamanya mahasiswa yang bakal memasuki alam pekerjaan. SPA turut mengadakan Hari Kerjaya di tempat-tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di Mid Valley Megamall Kuala Lumpur, Plaza Angsana Johor Bahru dan KOMTAR, Pulau Pinang.

Selain daripada itu, SPA telah mengiklankan jawatan-jawatan yang layak dipohon kepada orang ramai melalui akhbar-akhbar utama tempatan dua kali setahun. Untuk menarik perhatian kaum bukan Melayu, SPA turut mengiklankan jawatan-jawatan yang layak dipohon di dalam akhbar The Star (Bahasa Inggeris), Sin Chew Daily (Cina), Tamil Nesan (Tamil), Borneo Post (Sarawak) dan Daily Express (Sabah).

Laman web SPA (www.spa.gov.my) memperuntukkan soalan lazim (FAQ) mengenai permohonan di dalam Bahasa Cina dan Bahasa Tamil bagi memudahkan calon-calon bukan Melayu lebih memahami cara-cara untuk memohon jawatan di sektor perkhidmatan awam.

Usaha-usaha yang dibuat oleh SPA telah menampakkan hasil lebih-lebih lagi dengan pengumuman kenaikan gaji yang di buat oleh kerajaan pada Julai 2007, jumlah permohonan jawatan daripada kaum bukan Melayu di dalam sektor awam juga telah meningkat. Pada tahun 2006 (Julai-Disember), permohonan adalah berjumlah 92,755 orang manakala pada tahun 2007 (Julai-Disember) meningkat kepada 300,612 orang. Maklumat peningkatan permohonan mengikut kaum adalah seperti berikut:

BIL	KETURUNAN	TEMPOH	
		JUL – DIS 2006	JUL – DIS 2007
1	MELAYU	78,735	253,359
2	CINA	1,347	5,421
3	INDIA	1,953	6,113
4	LAIN-LAIN	8,720	35,719
5	**JUMLAH**	**92,755**	**300,612**

SPA ingin menegaskan bahawa jawatan dalam perkhidmatan awam adalah terbuka kepada semua kaum dan keturunan. Peluang memohon adalah terbuka luas 24 jam sehari, 7 hari seminggu dan 365 hari setahun iaitu melalui *online* yang tidak mengenakan sebarang bayaran.

Soalan No : 37

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SIM TONG HIM**
(KOTA MELAKA)

TARIKH : **25.6.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN SIM TONG HIM [KOTA MELAKA] minta Menteri Pelajaran menyatakan sehingga bulan Mei 2008, ada berapa buah sekolah wawasan di negara kita dengan nama-nama sekolah dan lokasinya. Dan adakah konsep ini akan dibatalkan atas bantahan-bantahan yang diterima.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga bulan Mei 2008, terdapat enam (6) buah sekolah wawasan di seluruh negara iaitu;

1. Kompleks Sekolah Wawasan Pundut, Lumut, Perak;
2. Kompleks Sekolah Wawasan Pekan Baru, Parit Buntar, Perak;
3. Sekolah Wawasan Taman Aman, Anak Bukit, Kedah;
4. Kompleks Sekolah Wawasan Seremban 2, Seremban, Negeri Sembilan;
5. Kompleks Sekolah Wawasan Tasek Permai, Seberang Perai, Pulau Pinang, dan
6. Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, Subang Jaya, Selangor.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak bercadang untuk membatalkan konsep sekolah wawasan. Dapatan kajian tentang sekolah wawasan menunjukkan :

i. masyarakat tempatan dan para guru menyokong penubuhan sekolah ini serta berkeyakinan bahawa sekolah ini akan berjaya;

ii. sekolah ini dapat memupuk semangat persefahaman dan perpaduan dalam kalangan murid-murid sekolah, dan

iii. penubuhan sekolah wawasan telah dapat menjimatkan kos pembinaan sekolah kerana murid-murid dari SK, SJKC dan SJKT berkongsi kemudahan yang disediakan.

Sehubungan dengan itu, dalam RMKe-9, pada dasarnya KPM merancang untuk membina sebuah lagi sekolah wawasan iaitu di Putra Heights, Shah Alam, Selangor.

Rjm 15

NO: 38

SIDANG DEWAN RAKYAT

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,

PARLIMEN KEDUA BELAS

PERTANYAAN LISAN

Daripada : **Y.B. TUAN JEFF OOI CHUAN AUN [Jelutong]**

Tarikh : **25 Jun 2008**

Soalan : **38**

Minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan samada World Congress of Information Technology (WCIT) 2008 telah mencapai objektifnya mendorong percambahan pengetahuan IT ke Malaysia dan berapakah jumlah transaksi yang telah dihasilkan dalam WCIT 2008.

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, Kuala Lumpur untuk pertama kalinya telah dipilih menjadi tuan rumah kepada Kongres Sedunia Teknologi Maklumat (World Congress on Information Technology – WCIT 2008) dari 17 hingga 22 Mei lepas di Kuala Lumpur Convention Centre.

Acara berprestij bagi industri ICT sedunia yang diterajui oleh MOSTI ini merangkumi 12 acara antarabangsa seperti Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia, UN Global Alliance For ICT and Development (UNG@ID), World Cyber Security Summit, GRID Computing Conference,

Mobile Monday Global Summit, PC Fair International, dan lain-lain lagi; yang mana telah menarik penyertaan seramai 50,064 peserta (yang terdiri dari 7,405 delegasi WCIT dan acara berkaitan yang lain, dan 42,659 pelawat pameran). Sementara itu, Persidangan WCIT 2008 pula telah menarik penyertaan seramai 3,313 delegasi yang mana 30% adalah dari luar negara selain 105 penceramah terkemuka dari seluruh dunia termasuk Pengerusi Microsoft Bill Gates (melalui teknologi holografik); Naib Presiden Korporat Microsoft, Dr Ya-Qin Zhang; saintis terkemuka dunia dalam bidang *genome,* Dr Craig Venter dan "Bapa" kepada Internet, Dr Vinton Cerf.

Tuan Yang DiPertua,

Dari sudut pulangan ekonomi pula, WCIT 2008 telah menerima penajaan melebihi RM 35 juta dalam bentuk tunai dan *in-kind* (50% tunai dan 50% *in-kind*). Sebanyak 22 perjanjian kontrak telah bertukar-tangan di antara pelbagai pihak yang menghasilkan pakatan perniagaan bernilai sebanyak RM293 juta untuk syarikat-syarikat Malaysia dan pelaburan sebanyak RM11.571 bilion ke dalam Malaysia. Pakatan perniagaan yang telah dimeterai termasuklah kontrak antara iTopia Sdn Bhd dan Knowledge Economic City Developers Company dari Saudi Arabia untuk pembangunan perkhidmatan telekomunikasi di Knowledge Economic City di Madinah; perjanjian antara SCAN Associates dan AhnLab dari Korea untuk membangunkan peralatan keselamatan jaringan (*network security devices*); dan perjanjian pembekalan perisian telefoni melalui IP oleh Cube Connect Sdn Bhd kepada China Mobile, syarikat telekomunikasi terbesar di China.

Antara pelaburan yang telah ditentukan adalah pembinaan HP Global Campus di Cyberjaya; penubuhan sebuah Pusat Animasi Malaysia oleh syarikat kesan visual (*visual effects*) dari Hollywood, Rhythm & Hues; dan kerjasama MSC

Cyberport dengan Teleperformance untuk membangunkan industri *contact centre* di Iskandar Malaysia, Johor.

Selain daripada itu, sebanyak 100,000 kaki persegi kawasan pameran dengan 494 gerai (*booths*) juga telah terjual dengan sebanyak 217 syarikat telah mempamerkan produk dan servis mereka yang terkini.

Tuan Yang DiPertua,

Selain itu, sebanyak 1,023 pertemuan perniagaan secara teratur (*structured business matching meetings*) telah berlangsung dengan jangkaan peluang perniagaan seperti berikut:

i. anggaran perniagaan sebanyak RM1.408 billion dijangkakan akan dipersetujui dalam tempoh 12 ke 24 bulan yang akan datang.

ii. dianggarkan sebanyak RM2 billion peluang pelaburan dijangka akan dibawa masuk ke Malaysia dalam tempoh 3 tahun yang akan datang, yang mana 10 adalah berupa pelaburan terus asing (*foreign direct investments* (FDI)) dan 26 adalah pelaburan terus dalam negeri (*Domestic Direct Investments* (DDI); manakala dijangkakan akan membuka sebanyak 36,900 peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang DiPertua,

Kejayaan ini sekali lagi telah membuktikan keupayaan Malaysia dalam menganjurkan sebuah persidangan yang bergelar Olimpik bagi dunia ICT yang telah menghimpunkan pemimpin-pemimpin global di dalam bidang perniagaan, kerajaan dan akademia dan telah memberi impak positif terhadap industri ICT tempatan.

SOALAN NO. 39

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 25 Jun 2008

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada siasatan telah dilakukan bagi mengenal pasti punca-punca 72,058 undi pos tidak dikembalikan pada pilihan raya umum yang lalu serta di manakah undi-undi tersebut. Apakah kelemahan yang dikenal pasti oleh SPR semasa perjalanan pilihan raya tersebut?

JAWAPAN: **Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mengikut peruntukan undang-undang yang berkuatkuasa sekarang, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia hanya bertanggungjawab kepada kertas-kertas undi pos yang dikembalikan sebelum jam 5.00 petang sahaja. Bagi kertas-kertas undi pos yang tidak dikembalikan sebelum jam 5.00 petang ianya bukan lagi di bawah bidang kuasa SPR. Oleh itu, SPR tidak perlu melakukan siasatan untuk mencari punca-punca ada kertas-kertas undi pos tidak dikembalikan dan di mana ianya berada. Mengikut undang-undang, selepas undi pos dikeluarkan, ianya terpulanglah kepada tindakan pemilih sendiri. Dalam sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia, adalah menjadi hak seseorang pengundi untuk mengundi ataupun tidak.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 40

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATO' KAMARUDIN BIN JAFFAR [TUMPAT]

TARIKH : 25 Jun 2008

SOALAN :

Y.B. Dato' Kamarudin Bin Jaffar [Tumpat] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan daripada jumlah pengeluaran minyak dan gas negara, berapa peratuskah dikeluarkan dari perairan Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan, dan berapakah nilai royalti yang diberikan kepada negeri-negeri ini pada tahun 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran minyak (termasuk kondensat) dan gas bagi tahun kewangan berakhir Mac 2007 untuk negeri-negeri Terengganu, Sabah dan Sarawak adalah seperti berikut:-

	Terengganu	**Sabah**	**Sarawak**	**Jumlah**
Minyak mentah dan kondensat (juta tong)	133.7 (55.4%)	28.6 (11.9%)	79.0 (32.7%)	241.3
Gas (bilion kaki padu)	748.2 (35.9%)	41.2 (2.0%)	1,292.0 (62.1%)	2,081.4

Tiada sebarang pengeluaran minyak mentah (termasuk kondensat) dan gas dari luar pantai Kelantan.

Mengenai royalti minyak, ingin dimaklumkan bahawa jumlah royalti yang telah dibayar oleh PETRONAS kepada negeri-negeri berkaitan untuk tahun 2007 adalah seperti berikut:-

Jumlah Bayaran Royalti
Bagi Tahun Kewangan Mac 2007

Kerajaan Persekutuan (RM Juta)	Terengganu* (RM Juta)	Sabah (RM Juta)	Sarawak (RM Juta)	Jumlah (RM Juta)
4,235.1	2.284.9	390.5	1,559.7	8,470.2

Ingin saya jelaskan bahawa bagi negeri Terengganu, pembayaran tersebut adalah dibuat menerusi Dana Khas Kerajaan Persekutuan (DKKP) yang mana sebahagian dibayar secara terus manakala bakinya menerusi Kementerian dan agensi bagi tujuan program/projek pembangunan di negeri Terengganu.

SOALAN NO. : 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' SERI DR. FONG CHAN ONN**
		[ALOR GAJAH]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Dato' Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah inisiatif yang diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan pakar-pakar perubatan warga Malaysia pulang. Berapa ramai pakar sudah pulang sejak program dijalankan dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk memendekkan tempoh perkhidmatan di hospital Kerajaan sebagai langkah tambahan di bawah program ini.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa ini, Kementerian Kesihatan telah mengambil beberapa langkah untuk membawa pulang Pegawai Perubatan Pakar yang sedang berkhidmat di luar negara. Salah satu inisiatif ke arah tersebut ialah dengan menjalinkan kerjasama dengan Kementerian

Sumber Manusia dalam 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' bagi menggalakkan warganegara Malaysia dengan kepakaran tertentu di luar negara pulang berkhidmat di Malaysia.

Sejak program ini dilancarkan pada tahun 2001, sejumlah 161 orang Pegawai Perubatan Pakar telah pulang ke negara ini. Dijangkakan lebih ramai rakyat Malaysia akan pulang pada masa akan datang terutama apabila negara-negara di Eropah mula menguatkuasakan undang-undang imigresen negara yang lebih ketat di negara masing-masing.

Walau bagaimanapun, bagi mengatasi masalah kekurangan pegawai-pegawai perubatan dan pakar perubatan di hospital-hospital Kerajaan, Kementerian pada masa ini tidak bercadang untuk mengkaji semula tempoh perkhidmatan wajib mereka dengan Kerajaan. Namun, Kementerian sentiasa berusaha ke arah penambahbaikan syarat-syarat perkhidmatan mereka supaya setanding dengan negara-negara lain.

SOALAN NO. (42)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG)
TARIKH	:	25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN CHOW KON YEOW (TANJONG) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah undang-undang yang perlu dipinda untuk mengadakan pilihanraya bagi Kerajaan Tempatan di Malaysia.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan pilihanraya Kerajaan Tempatan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2008

SOALAN: 43

PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN NEGARA

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

PERTANYAAN : Jawab Lisan

DARIPADA : Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin

TARIKH : 25 Jun 2008 (Rabu)

SOALAN : Puan Rosnah Binti Abdul Rashid Shirlin minta

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

Cadangan untuk melaksanakan sistem KPI terhadap Lembaga Pertubuhan Peladang, FAMA dan lain-lain agensi di bawah Kementerian untuk memastikan sasaran Kementerian tercapai.

JAWAPAN:

Kerajaan telah menyarankan supaya budaya kerja berasaskan prestasi diterapkan dalam jabatan dan agensi awam. Penggunaan kaedah ***Key Performance Index*** **(KPI)** merupakan antara kaedah yang boleh digunakan untuk tujuan tersebut. Melalui kaedah tersebut, sesebuah agensi dan institusi kerajaan akan dapat mengukur prestasi masing-masing

secara sistematik, dan hasil pengukuran tersebut dapat memberi gambaran mengenai prestasi sesebuah organisasi.

Surat Pekeliling Am Bil.6 Tahun 2004 bertarikh 29 Oktober 2004 bertajuk "Pindaan Kepada Surat Pekeliling Am Bil 1 Tahun 1995 mengenai penyediaan laporan ringkasan kedudukan kewangan dan prestasi tahunan badan-badan berkanun persekutuan, antaranya menyarankan supaya agensi mengemukakan laporan menggunakan petunjuk-petunjuk prestasi kecekapan dan keberkesanan. Petunjuk kecekapan hendaklah digunakan untuk menunjukkan setakat mana sumber-sumber agensi digunakan secara optimum dalam pengeluaran output. Tiga jenis petunjuk kecekapan yang dicadangkan ialah, kuantiti output, kecekapan kos dan kecekapan masa. Sementara petunjuk keberkesanan pula digunakan untuk memberi gambaran tentang setakat mana objektif sesuatu program/aktiviti tercapai sebagai hasil pelaksanaan program/aktiviti.

Pekeliling Kemajuan Pentadbiran (PKPA) Bil. 2 Tahun 2005 bertarikh 7 April 2005 bertajuk *'Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk-Petunjuk Prestasi Utama atau Key Performance Index (KPI) dan Melaksanakan Pengukuran Prestasi di Agensi Kerajaan'* menyarankan supaya budaya kerja berasaskan prestasi diterapkan dalam perkhidmatan awam.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telahpun melaksanakan sistem KPI Agensi-agensi dibawahnya mulai 6 Februari 2008 termasuk LPP, FAMA dan MARDI.

1. Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

LPP telah ditubuhkan pada 14 Februari 1973 dibawah Akta 110 1973 berfungsi sebagai agensi untuk membangunkan dan memajukan pergerakan pertubuhan peladang. Objektif pergerakan pertubuhan peladang ialah untuk meningkatkan taraf hidup ekonomi dan sosial, menambah pengetahuan dan kemahiran, meninggikan hasil dan pendapatan dan membaiki cara hidup ahli-ahli serta mewujudkan masayarakat yang progresif, berdikari, makmur dan bersatu padu. Sehingga Disember jumlah pertubuhan peladang yang ditubuhkan ialah 287 buah yang terdiri daripada 273 pertubuhan peladang kawasan (PPK), 13 Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dan sebuah pertubuhan peladang kebangsaan (NAFAS). Sehingga Disember 2007, jumlah petani-petani yang menyertai PPK ialah 728,200 orang.

Pergerakan pertubuhan peladang tersebut telah berjaya menghasilkan isipadu perkhidmatan perniagaan berjumlah RM2.90 billion pada 2007. Sebahagian besar daripada perkhidmatan tersebut meliputi bidang pemasaran dan pembekalan input pertanian kepada petani.

Petunjuk Prestasi Utama LPP telah diwujudkan selaras dengan Pekeliling Kemajuan pentadbiran Awam (PKPA) Bil 2. Tahun 2005, bertajuk Garis Panduan Bagi Mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama atau *Key Performance Indicators (KPI)*. LPP telah mengambilkira dasar dan halatuju Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dalam merangka KPI LPP.

Di samping itu, LPP juga mengamalkan budaya kerja berasaskan prestasi bagi tujuan untuk meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada *stakeholder* dan kumpulan sasar serta mencapai sasaran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Hasil pengukuran semua perkhidmatan yang disampaikan kepada *stakeholder* dan kumpulan sasar memberi gambaran mengenai prestasi LPP keseluruhannya.

Petunjuk Prestasi Utama LPP adalah seperti berikut:

i. Pengukuhan kedudukan kewangan Pertubuhan Peladang sebagai sebuah badan perniagaan peladang.
ii. Peningkatan penglibatan Pertubuhan Peladang dalam pengeluaran, pemprosesan, pembekalan dan pemasaran secara bersepadu.
iii. Pengurusan dan pembangunan modal insan.
Iv. Pengukuhan dan perkhidmatan sokongan kejenteraan dan infrastruktur dan;
V. Pembangunan usahawan peladang sebagai pemangkin kepada program pemodenan dan transformasi sektor pertanian.

2. FAMA

Ditubuhkan pada Tahun 1965 yang bertujuan untuk menyelaras, mengawalselia dan memajukan pemasaran keluaran pertanian Malaysia. Sehingga awal Tahun 2008 bilangan kakitangan FAMA diseluruh negara seramai 1771 orang.

Antara kejayaan ialah penubuhan Pasar Tani yang memberi peluang kepada petani menjual terus kepada pengguna. Sehingga Disember 2007 terdapat sebanyak 256 buah pasar tani seluruh negara dengan nilai jualan terkumpul sebanyak RM255.58 juta.

3. MARDI

MARDI ditubuhkan pada 28 Oktober 1969 di bawah Akta MARDI. Mula beroperasi Mac 1971. Antara skop bidang tugasnya ialah melakukan penyelidikan dan pembangunan teknologi semua tanaman (kecuali getah/ kelapa sawit dan koko), ternakan, makanan dan peladangan campuran. Lokasi operasi MARDI di Ibu Pejabat di Serdang dan 32 stesen dan tiga pejabat negeri. Antara produk penyeldikan yang telah dihasilkan oleh MARDI sejak beroperasi ialah 32 varieti padi, hybrid baru orkid, baja silikon,penghasilan baka kambing boer dan cap jari DNA betik. Dengan bilangan kakitangan 2981 orang - pegawai penyelidik 538 orang (77 Phd, 233 Msc, 228 Bsc) manakala selebihnya ialah kakitangan lain.

Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MARDI adalah mengikut proses teras yang terdapat di MARDI iaitu penyelidikan dan pembangunan (R&D). Visi MARDI untuk menjadi sebuah agensi R&D tersohor di dunia dan juga misi korporat diambil kira.

Berpandukan kepada misi dan matlamat korporat yang telah ditetapkan serta kumpulan pelanggan yang disasarkan, Faktor Pencapaian Prestasi Utama **(FPPU)** MARDI adalah:

Perkhidmatan Utama 1:

Penjanaan Pengetahuan dan Teknologi Baru

KPI 1: Penjanaan sejumlah 138 teknologi baru yang berpotensi dikomersialkan.

KPI 2: Penerbitan sejumlah 650 artikel saintifik dan teknikal.

Perkhidmatan Utama 2:

Pemindahan Pengetahuan dan Pengkomersialan Teknologi Baru

KPI 1: Pengkomersialan tidak kurang 14% daripada jumlah teknologi yang telah dijana

KPI 2: Pembangunan seramai 140 usahawan IKS berasaskan teknologi dalam bidang pengeluaran hasil pertanian dan produk asas tani.

KPI 3: Pengeluaran benih, bahan tanaman dan baka ternakan memenuhi jumlah yang dikenalpasti oleh program program pengeluaran tanaman dan ternakan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Perkhidmatan Utama 3:

Pembangunan Keupayaan (Capacity Building)

KPI 1: Pembangunan kumpulan pegawai penyelidik dengan kelulusan ijazah PhD, MSc dan BSc dalam kadar 25%: 50%: 25%

KPI 2: Sempurna membangunkan 82 jenis infrastruktur dan kemudahan fisikal penyelidikan, pemindahan dan pengkomersialan teknologi

KPI 3: Berjaya memperoleh jumlah minimum RM50 juta dari sumber-sumber selain daripada geran tetap Kerajaan (peruntukan Pembangunan dan Mengurus) bagi menampung kos terus penyelidikan, pemindahan dan pengkomersialan teknologi.

Soalan No : 44

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD (SHAH ALAM)

TARIKH : 25.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD [SHAH ALAM] minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah Formula Satu Sdn. Bhd. bagi tahun 2006-2007 sudah menerima kontrak bernilai hampir RM80 juta yang melibatkan 300 buah sekolah dan bagi tahun 2008 pula, kontraktor dilaporkan akan menerima kontrak bernilai RM189 juta lagi bagi membekalkan robot kereta lumba F1 untuk mata pelajaran reka cipta ke 1,700 buah sekolah menengah. Apakah langkah susulan Kementerian mengenai perkara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

F I In School Bhd. merupakan pemegang francais untuk Program *FI In School Technology Challenge* peringkat antarabangsa dalam membekalkan peralatan kepada sekolah-sekolah yang berfungsi sebagai bengkel (*manufacturing centre*) yang diberi kuasa bagi melaksanakan program ini di Malaysia.

Dari tahun 2006 hingga 2007, sebanyak 114 bengkel telah diwujudkan di seluruh Malaysia. Setiap bengkel tersebut boleh menyokong sebanyak 15 buah sekolah di sekitarnya bagi menggunakan peralatan dan kemudahan di bengkel berkenaan. Bagi tujuan ini Syarikat FI In School Technology menerima kontrak bernilai RM49.77 juta dan bukan RM80 juta, seperti yang didakwa oleh Ahli

Yang Berhormat, bagi menyediakan *software, hardware* dan *consumable package*.

Kenyataan yang menyatakan bahawa kontraktor akan menerima kontrak bernilai RM189 juta bagi membekalkan robot kereta lumba FI untuk mata pelajaran reka cipta ke 1700 buah sekolah menengah bagi tahun 2008 adalah tidak benar. Program *FI In School Technology Challenge* bagi tahun 2008 akan diteruskan dengan menggunakan peralatan yang sedia ada.

Rjm 16

SOALAN NO: 45

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**BAGI JAWAPAN LISAN**
DARIPADA	:	**Y. B. DATO' IBRAHIM BIN ALI (PASIR MAS)**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan Malaysia bermurah hati untuk mempertimbangkan dan melaksanakan segera sebuah lagi projek jambatan merentangi Sungai Kelantan dari Kampung Laut, Tumpat ke Tambatan Diraja Kota Bharu Kelantan untuk tujuan mengatasi kesesakan lalu lintas kerana jambatan sedia ada tidak cukup luas.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan **tidak ada rancangan untuk melaksanakan** projek Membina Jambatan Merentangi Sungai Kelantan dari Kampung Laut, Tumpat ke Tambatan Diraja Kota Bharu Kelantan di bawah RMKe-9. Projek ini tidak dipohon oleh Kerajaan Negeri Kelantan untuk dipertimbangkan di bawah Kajian Separuh Penggal.

Walau bagaimanapun, projek ini boleh dicadangkan untuk pelaksanaan di bawah RMKe-10 sekiranya terdapat keperluan untuk dilaksanakan.

Soalan No : 46

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF (RANTAU PANJANG)**

TARIKH : **25.6.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN SITI ZAILAH BINTI MOHD. YUSOFF [RANTAU PANJANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

(a) berapakah peruntukan perkapita yang telah diberikan kepada Sekolah Agama Rakyat dan SJKC sejak tahun 2000 hingga 2008 dan bilakah bantuan ini akan ditambah; dan

(b) apakah dasar penempatan guru-guru Kementerian ke Sekolah Agama Rakyat supaya bertepatan dengan keperluan sekolah berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menyediakan peruntukan perkapita kepada Sekolah Agama Rakyat (SAR) kecuali yang telah berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Peruntukan tersebut mula diberikan kepada SABK mulai tahun 2006 dan jumlahnya hingga tahun 2008 adalah sebanyak **RM13.7 juta.** Setakat ini tiada penambahan dibuat. Bagi SJKC pula, bagi tempoh 2000 hingga 2008 peruntukan perkapita yang disalurkan adalah sebanyak **RM557.84 juta.** Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menambahkan kadar bantuan perkapita tersebut.

(b) Oleh kerana SAR berada di luar sistem pendidikan kebangsaan, penempatan guru tidak dilakukan oleh KPM.

Rjm 17

NO. SOALAN : 47

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AMRAN BIN ABD. GHANI [TANAH MERAH]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN : TUAN AMRAN BIN ABD. GHANI [TANAH MERAH]

Minta PERDANA MENTERI menyatakan bilakah kesanggupan Kerajaan menghapuskan Jabatan Persekutuan di Kelantan, sebagaimana di Sabah yang telah diisytiharkan oleh Perdana Menteri pada 31 Mei 2008 memandangkan sudah hampir 18 tahun Jabatan Pembangunan Negeri dinafikan haknya kenapa ada *"double standard"* dalam hal ini.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk memansuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (JPPK). Ini adalah kerana JPPK telah memainkan peranannya dengan berkesan untuk turut mensejahterakan rakyat melalui berbagai program

dan projek yang dilaksanakan. Perkara ini juga telah diakui oleh berbagai pihak di negeri Kelantan.

NO. SOALAN : 48

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN : TUAN ER TECK HWA [BAKRI]

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, apakah rancangan dan projek-projek pembangunan yang telah dilaksanakan di negeri Johor. Kalau tidak, mengapa.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 3,183 projek RMK-9 dilaksanakan di Negeri Johor. Projek-projek ini merangkumi projek-projek pembangunan dan *Private Finance Initiative* (PFI). Status pelaksanaan projek-projek tersebut adalah seperti jadual di bawah:

Siap Sepenuhnya	119
Dalam Pelaksanaan	2,116
Belum Laksana	948
JUMLAH	**3,183**

Sebanyak 948 projek yang masih belum dilaksanakan sedang dalam peringkat perancangan untuk dilaksanakan dan di dalam pertimbangan Unit Perancang Ekonomi di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9.

NO. SOALAN : 49

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN:

Y.B Dato' Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jaminan kerajaan untuk memastikan 30% ekuiti orang Melayu tercapai dalam pembangunan koridor ekonomi wilayah terutamanya ECER.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Bagi menangani ketidakseimbangan kedudukan sosioekonomi antara etnik, strata dan negeri, Kerajaan telah melancarkan beberapa koridor pertumbuhan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) termasuklah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER). Sebahagian besar pembangunan ECER akan dilaksanakan oleh sektor swasta manakala Kerajaan akan menyediakan kemudahan infrastruktur dan insentif yang bersesuaian bagi merangsang pertumbuhan ECER. Dengan terlaksana sepenuhnya pembangunan ECER, lebih banyak

peluang pekerjaan dan penjanaan pendapatan juga akan dapat diwujudkan. Dalam hal ini, Kerajaan akan memastikan pembangunan ECER juga mengambilkira pembangunan ekonomi Bumiputera termasuk memastikan sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera tercapai pada tahun 2020. Bagi tujuan ini, peluang dan penglibatan usahawan Bumiputera di ECER akan diberi keutamaan di dalam beberapa projek-projek komersil di ECER.

Di samping itu, beberapa galakan dan insentif khusus juga disediakan bagi membantu pencapaian 30% pemilikan ekuiti Bumiputera tercapai pada tahun 2020. Misalnya, seperti penyediaan beberapa dana bagi membantu golongan Bumiputera terlibat dalam pembangunan ECER seperti Tabung Amanah BCIC, Tabung Amanah SME dan Tabung Amanah Hartanah (RET). Sebagai contoh, Tabung RET ini merupakan satu bentuk insentif yang membolehkan tuan punya Tanah Rizab Melayu atau dengan izin, *Malay Reserve Land* (MRL) membangunkan tanah mereka tanpa penukaran hak milik dan pada masa yang sama memperolehi keuntungan atau pendapatan daripadanya. Di bawah pendekatan ini, pemilik tanah akan diberi peluang untuk turut serta dalam pembangunan ECER dengan menjadi pemegang saham dalam badan amanah ini dan bukannya dengan cara menjual tanah mereka untuk mendapatkan faedah segera. RET akan memberikan pemilik tanah pendapatan yang berterusan melalui dividen dan juga perolehan modal. Dalam hal ini, syarikat-syarikat berkaitan Kerajaan (GLC) juga akan digalakkan untuk melaksanakan projek-projek yang bersesuaian bagi membantu meningkatkan ekuiti Bumiputera dengan menggunakan peruntukan daripada tabung atau dana yang disediakan tersebut.

Selain itu, bagi memastikan aktiviti-aktiviti ekonomi di ECER mematuhi semua dasar Kerajaan termasuk penglibatan usahawan Bumiputera, satu Badan khusus yang bertanggungjawab untuk menentukan arah, dasar dan strategi pembangunan di ECER serta memantau pelaksanaan program dan projek di koridor pertumbuhan tersebut iaitu majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) juga telah ditubuhkan. Oleh yang demikian, sasaran sekurang-kurangnya 30% pemilikan ekuiti Bumiputera di ECER juga akan dapat dipantau dengan berkesan supaya sasaran tersebut tercapai menjelang tahun 2020.

SOALAN : 50

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ [SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : **25 JUN 2008**

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta PERDANA MENTERI menyatakan mengapa kos tambang bas sekolah, kos tuisyen dan kos membayar ansuran untuk motosikal tidak diambil kira semasa garis kemiskinan ditetapkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) mengambil kira komponen perbelanjaan makanan, pakaian dan perbelanjaan-perbelanjaan lain seperti sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Dalam hal ini, komponen tambang bas sekolah sememangnya telah diambilkira di bawah komponen pengangkutan manakala kos tuisyen dalam komponen pelajaran. Walau bagaimanapun, bayaran ansuran motosikal tidak diambilkira

memandangkan ianya melebihi keperluan minimum dan bukan merupakan satu keperluan asas bagi sesebuah isi rumah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, selain daripada bantuan kepada golongan miskin dan miskin tegar, Kerajaan juga memberi pelbagai bantuan kepada golongan berpendapatan rendah bagi meringankan beban tanggungan kehidupan mereka. Bantuan yang diberi adalah seperti bantuan persekolahan kepada anak-anak berpendapatan rendah dalam bentuk tuisyen percuma, biasiswa, makanan percuma dan sebagainya. Dengan pemberian bantuan ini, ianya bukan sahaja meringankan beban tanggunggan ibu bapa berpendapatan rendah dalam jangka pendek, tetapi ianya juga memberi kesan positif dalam jangka panjang. Melalui pembangunan sumber manusia yang berkualiti ini, ianya bukan sahaja menjamin peluang pekerjaan yang lebih baik di masa hadapan tetapi turut mengelakkan mereka daripada mewarisi kemiskinan dalam jangka panjang.

NO: 51

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM (KAPAR)**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**51**

Y.B. TUAN DR. MANIKAVASAGAM A/L SUNDARAM minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan definasi "Nasional" (Kebangsaan), yang mana tidak menepati erti kata sebenarnya. Contohnya, Perbadanan Usahawan Nasional hanya untuk segelintir golongan sahaja padahal mengikut erti sebenar ianya harus diberi kepada semua masyarakat Malaysia. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk menjadikan masyarakat berbilang kaum sebagai satu identiti Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (KPKKW) Malaysia sentiasa melaksanakan pelbagai langkah untuk menjadikan masyarakat berbilang kaum sebagai satu identiti Malaysia. Kementerian sentiasa memastikan setiap program dan aktiviti yang dilaksanakan melibatkan penyertaan dan penglibatan pelbagai kaum yang mencerminkan identiti Malaysia. Semua kebudayaan masyarakat berbilang kaum di Malaysia yang sesuai boleh wujud bersama, bersesuaian dengan Perlembagaan Persekutuan dan prinsip-prinsip Rukun Negara digabungkan untuk mewujudkan satu identiti Malaysia.

Secara formal pelbagai langkah dilaksanakan melalui beberapa pendekatan iaitu melalui Perlembagaan

Persekutuan, masyarakat Malaysia berbilang kaum disatukan sebagai satu identiti. Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan telah menjadikan Bahasa Melayu yang kemudiannya dikenali sebagai Bahasa Malaysia sebagai bahasa rasmi dan bahasa penyatuan bagi semua kaum di seluruh negara. Kerajaan juga telah menggubal Akta Lagu Kebangsaan dan mencipta lagu Negaraku sebagai lagu kebangsaan Malaysia. Di samping itu, pembentukan identiti negara juga dilaksanakan melalui semangat patriotisme dengan memberi penghormatan tertinggi kepada bendera negara iaitu Jalur Gemilang.

Di samping itu, dalam konteks tidak formal pula, Kerajaan telah menyusun pelbagai strategi untuk memupuk identiti Malaysia melalui pelbagai program dan aktiviti untuk semua kaum dan etnik di Malaysia seperti :

i. Pelbagai program dan aktiviti perpaduan.

ii. Enam (6) program Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM) iaitu Hari Raya Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Tadau Kaamatan, Gawai Dayak, Deepavali dan Krismas.

iii. Program merakyatkan seni budaya sebagai usaha memupuk identiti Malaysia dan kepelbagaian seni budayanya.

iv. Program Kempen Budi Bahasa Budaya Kita supaya hormat menghormati kepelbagaian budaya sebagai identiti Malaysia melalui amalan nilai-nilai murni.

v. Aktiviti persembahan seni budaya yang melibatkan pelbagai kaum.

Pembentukan identiti sesuatu bangsa merupakan satu proses yang panjang dan kerjasama serta toleransi semua lapisan masyarakat adalah diperlukan.

SOALAN 52

PARLIMEN MALAYSIA

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Tuan Ahmad bin Kasim [Kuala Kedah]**

TARIKH : **25 Jun 2008 (Rabu)**

SOALAN : **Tuan Ahmad bin Kasim** minta **Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani** menyatakan apakah bentuk latihan atau kursus yang diberikan kepada para nelayan bagi meningkatkan profesionalisme mereka dalam industri perikanan negara.

Jawapan : **Oleh Y.B. Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani sentiasa menyediakan kemudahan latihan kepada nelayan terutama sekali para nelayan tempatan untuk mempertingkatkan profesionalisme mereka. Antara bentuk latihan yang disediakan adalah kursus yang dikenali sebagai Latihan Nelayan Berasrama anjuran Jabatan Perikanan yang merangkumi pelbagai kursus seperti penyelenggaraan enjin, Keselamatan Perikanan, Pelayaran & Peralatan Elektronik dan Nakhoda. Mereka dilatih secara teori dan amali serta diberikan kemudahan penginapan dan makan.

SOALAN No. : 53

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG [SEGAMBUT]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah kes Mahkamah yang dimenangi oleh Kerajaan terhadap pemaju rumah yang melanggari Akta Hak Milik Strata (Strata Titles Act) 1985 sejak tahun 2004 dan butir-butir tindakan selanjutnya terhadap pemaju yang gagal mematuhi penghakiman Mahkamah.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik yang diperolehi sehingga 15 April 2008, Kerajaan telah memenangi 2 kes tindakan undang-undang terhadap kesalahan pemaju yang gagal memohon hakmilik strata. Pemaju-pemaju berkenaan pada masa ini telah pun memohon hakmilik strata dan seterusnya mematuhi penghakiman Mahkamah.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO. : 54

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN RAZALI BIN HAJI IBRAHIM [MUAR]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Tuan Razali Bin Haji Ibrahim [Muar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan bagaimanakah Kementerian mengawal pembuangan sisa-sisa elektronik (e-wastes) bagi mengelakkan pencemaran radio aktif dan pencemaran logam berat. Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan perundangan yang sesuai untuk mengawal pembuangan sisa-sisa elektronik.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian ini telah menguatkuasakan Peraturan untuk mengawal pembuangan sisa-sisa elektronik (*e-waste*), iaitu Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Dengan pewartaan Peraturan ini pada 15 Ogos 2005, pihak yang mengeluarkan *e-waste* perlu melupuskan buangan tersebut di premis yang ditetapkan yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Sekian, terima kasih.

Soalan No : 55

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH)**

TARIKH : **25.6.2008**

SOALAN:

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah rancangan Kementerian terhadap Sekolah Kebangsaan Danau Perdana yang terbengkalai demi keselamatan bangunan tersebut. Kenapakah Kementerian tidak menukar sekolah tersebut kepada Sekolah Rendah Cina untuk menangani masalah kekurangan sekolah Rendah Cina di kawasan Parlimen Seputeh.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SK Danau Perdana bukan merupakan projek terbengkalai tetapi sekolah tersebut terpaksa dikosongkan bagi menjamin keselamatan murid kerana terdapat keretakan yang serius pada sebahagian daripada blok bangunan tersebut. Sebagai tindakan susulan, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggantikan SK Danau Perdana dengan projek sekolah baru iaitu SK Desa yang mana pada masa ini sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada penghujung 2008.

Perancangan untuk membuka semula sekolah berkaitan memerlukan prosedur yang akan melibatkan pihak JKR dan Majlis Timbangtara dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara.

Untuk makluman, KPM sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. KPM juga sentiasa memastikan kemudahan pendidikan yang disediakan adalah untuk semua kaum atau golongan masyarakat. Di samping itu, KPM juga terus berusaha ke arah menyatupadukan rakyat dan salah satu pendekatan yang digunakan oleh KPM adalah dengan menubuhkan lebih banyak sekolah aliran perdana bagi semua golongan masyarakat selari dengan dasar pendidikan negara untuk mengekalkan perpaduan nasional yang sedia terjalin.

Rjm 18

SOALAN NO. (56)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA)
TARIKH	:	25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. DATUK HALIMAH BT MOHD SADIQUE (TENGGARA) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) merupakan tunjang kepada sistem Kerajaan Tempatan di Malaysia. Adakah pihak Kementerian akan memberi perhatian untuk meminda Akta tersebut mengikut keperluan dan sentimen semasa.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedia maklum bahawa Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang diwartakan sejak 32 tahun yang lalu perlu dikaji semula bagi memastikan kerelevanannya dalam memenuhi tuntutan dan kehendak semasa. Oleh yang demikian, KPKT kini sedang dalam penyiapan Deraf Cadangan Pindaan Akta 171 tersebut dengan mengambilkira pandangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), NGO, swasta dan lain-lain pihak yang berkaitan.

Beberapa siri perbincangan telah diadakan bagi tujuan pindaan Akta 171 melalui bengkel-bengkel, dialog serta mesyuarat pada 8 Februari 2007, 15 Mac 2007, 9-11 Julai 2007, dan 13 November 2007.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Cadangan Pindaan Akta 171 ini akan melibatkan perubahan ke atas fungsi, struktur, serta perjawatan di PBT. Selain dari itu, ia turut melibatkan pindaan ke atas lain-lain

perundangan berkaitan dengan PBT yang memerlukan penelitian sewajarnya.

Selain daripada KPKT, kajian-kajian berhubung keberkesanan peranan dan fungsi PBT juga dilaksanakan oleh pihak-pihak seperti Unit Perundingan Universiti Malaya (UPUM), Institut Tadbiran Awam (INTAN), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan lain-lain pihak yang berkenaan turut diambilkira dalam menyediakan Deraf Cadangan Pindaan Akta 171.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Jun 2008

SOALAN NO: 57

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

TARIKH : 25 JUN 2008

RUJUKAN : 1057

SOALAN :

Dr. Lee Boon Chye [Gopeng] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan anggota polis (PDRM) cedera/mati semasa menjalankan tugas pada tahun 2003 hingga tahun 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Gopeng yang telah mengemukakan soalan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik PDRM, bilangan anggota polis yang cedera semasa menjalani tugas pada tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seramai 153 orang iaitu 16 orang pegawai polis dan 137 orang anggota pangkat rendah. Manakala bilangan anggota polis yang mati semasa menjalani tugas bagi tempoh yang sama adalah seramai 52 orang iaitu 5 orang pegawai polis dan 47 orang anggota pangkat rendah.

NO. SOALAN : 58

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	**DATUK DR. MARCUS MOJIGOH [PUTATAN]**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

a) Langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan semua projek yang telah dirancang khususnya di negeri Sabah dapat dilaksanakan dengan cepat dan sempurna; dan

b) Apakah jenis-jenis kekangan/masalah yang bakal dihadapi setelah JPPS (Sabah) dibubarkan pada 1hb Jun 2008.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan semua projek yang telah dirancang

dapat dilaksanakan dengan cepat dan sempurna terutamanya di Sabah ialah mengadakan mesyuarat khas *Mission Cluster Group* (MCG) dengan Sabah dan Sarawak pada 18 Jun 2008 yang dianjurkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri bagi membincang perancangan pelaksanaan projek-projek pembangunan di kedua-dua negeri tersebut.

Sebuah jawatankuasa perhubungan Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sabah telah ditubuhkan dan dipengerusikan oleh Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pegawai-pegawai Persekutuan dan pegawai-pegawai negeri Sabah. Ia berperanan untuk menyelesaikan isu-isu yang berbangkit berkenaan dengan pembangunan di negeri Sabah.

Semua kementerian juga telah diingatkan supaya berbincang dan berunding dengan Pentadbiran Negeri Sabah untuk mendapatkan input dan

pandangan pihak negeri semasa merancang sesuatu projek dan sebelum projek dilaksanakan.

Selain dari itu, garis panduan dan tatacara sedia ada telah dikaji dan dikemaskini bagi memastikan pandangan dan input negeri-negeri diperolehi sebelum sesuatu projek dilulus dan dilaksanakan.

Tidak terdapat kekangan/masalah yang dijangka bakal dihadapi setelah JPPS dibubarkan.

Soalan No : 59

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. DATUK KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)**

TARIKH : **25.6.2008**

SOALAN:

Y.B. DATUK KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS [TELOK KEMANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan :-

a. jumlah sekolah-sekolah rendah dan menengah seluruh negara yang bilik darjahnya tidak mencukupi menampung murid; dan

b. jumlah sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh negara yang jumlah bilik darjahnya berlebihan bagi menampung murid.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

a) Bilangan sekolah yang mempunyai bilangan murid melebihi 35 orang per kelas adalah sebanyak 1365 buah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1006 buah adalah sekolah rendah dan 359 buah adalah sekolah menengah.

b) Bilangan sekolah yang mempunyai bilik darjah yang berlebihan adalah sebanyak 3411 buah. Daripada jumlah tersebut sebanyak 2646 merupakan sekolah rendah manakala sebanyak 765 adalah sekolah menengah.

Soalan No : 60

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO (KLANG)

TARIKH : 25.6.2008

SOALAN:

Y.B. TUAN CHARLES ANTHONY A/L R. SANTIAGO [KLANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan senarai sekolah-sekolah Tamil yang akan diperbaiki dalam peruntukan RM40 juta yang dimaklumkan baru-baru ini. Bilakah pembaikan ini akan dimulakan, diselesaikan dan corak pembaikan (*nature of repair*).

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan amat prihatin kepada keperluan prasarana pendidikan di sekolah-sekolah bantuan termasuklah SJKT. Sehubungan itu, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk projek ubah suai naik taraf (USNT) sekolah bantuan SJKT di seluruh negara. Peruntukan ini disalurkan melalui Kementerian Kewangan sebanyak RM30 juta dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sebanyak RM10 juta.

Bagi projek di bawah KPM, sebahagiannya telah siap dilaksanakan dan sebahagian lagi dalam peringkat pelaksanaan. Projek-projek di bawah peruntukan Kementerian Kewangan yang melibatkan pembinaan bilik-bilik darjah dan kantin akan diiklankan pada bulan Julai 2008.

NO. SOALAN: 61

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MATULIDI BIN JUSOH

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi penyediaan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah di wilayah pembangunan khususnya di ECER terutamanya di Terengganu.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman semua Ahli Yang Berhormat, Pelan Induk yang dirangka bagi pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur atau ECER ini tidak mencadangkan program atau projek khusus mengenai penyediaan rumah untuk rakyat berpendapatan rendah di ECER. Walau bagaimanapun, program-program sedia ada di bawah RMKe-9 untuk meningkatkan dan menjana pendapatan bagi golongan yang miskin dan berpendapatan rendah akan terus dilaksanakan oleh Kerajaan. Misalnya, program-program sedia ada bagi membantu golongan miskin tegar untuk memiliki rumah seperti Program Bantuan Rumah (PBR) di bawah Skim

Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) serta program-program berkaitan dengan bantuan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah seperti Program Perumahan Rakyat (PPR), akan tetap diteruskan bagi memastikan golongan miskin tegar dan yang berpendapatan rendah, termasuklah juga di ECER, mendapat kemudahan asas tersebut dengan sewajarnya.

Bagi Program Bantuan Rumah (PBR) untuk golongan miskin tegar, di bawah RMK-9, peruntukan sejumlah RM54 juta telah disediakan kepada Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) bagi melaksanakan program membantu golongan miskin tegar memiliki rumah. Dari jumlah ini, sebanyak RM17.4 juta diperuntukan kepada Negeri Kelantan, Pahang RM2.0 juta dan Terengganu RM2.5 juta. Manakala bagi Program Perumahan Rakyat (PPR) pula, iaitu program di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membantu golongan berpendapatan rendah memiliki rumah, secara keseluruhannya sebanyak RM17.5 juta diperuntukan kepada Negeri Kelantan, RM300 juta kepada Pahang dan RM20 juta kepada Terengganu.

SOALAN : NO. 62

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN AB AZIZ BIN AB KADIR
[KETEREH]

TARIKH JAWAPAN : 25 JUN 2008

SOALAN

YB. Tuan Ab. Aziz Bib Ab. Kadir minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah fenomena rakyat Malaysia menghantar banyak SMS untuk rancangan Akademi Fantasia berbanding dengan Program Bersamamu TV3 menggambarkan bahawa program televisyen kita telah melahirkan rakyat yang lebih mengutamakan hiburan yang melalaikan daripada keperihatinan kepada golongan miskin.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, adalah tidak benar bahawa program televisyen telah melahirkan rakyat yang lebih

mengutamakan hiburan yang melalaikan daripada keperihatinan kepada golongan miskin.

Kesan program televisyen termasuk yang berbentuk hiburan terhadap para penonton adalah amat subjektif. Perkembangan sahsiah dan jatidiri seseorang insan tidak bergantung kepada program-program televisyen sahaja, malah turut dipengaruhi banyak faktor lain contohnya, didikan ibu bapa dan agama, tahap pendidikan akademik, persekitaran, masyarakat setempat dan pergaulan rakan sebaya.

Stesen-stesen TV swasta dan awam di Malaysia menyajikan berbagai jenis program yang memenuhi citarasa penonton di negara ini yang terdiri dari berbagai bangsa dan agama. Para penonton kini mempunyai berbagai pilihan termasuk dokumentari, berita dan hal-ehwal semasa, sukan dan rancangan hiburan seperti program-program realiti, carta muzik, drama, telefilem dan konsert.

Langkah-langkah juga diambil untuk memastikan bahawa program-program Televisyen yang disiarkan adalah seimbang tidak menumpu kepada program berunsur hiburan sahaja.

Menyedari bahawa rancangan realiti seperti Akademi Fantasia merupakan rancangan realiti yang popular masa kini, beberapa langkah telah diambil oleh Kementerian melalui SKMM dan juga pihak Astro sendiri agar rancangan tersebut mempunyai unsur-unsur pengajaran dan turut menerapkan nilai-nilai positif. Astro juga telah menerapkan elemen-elemen positif seperti nilai kekeluargaan, perpaduan kaum dan budaya tempatan dalam rancangan harian yang disiarkan. Perkara yang sama juga turut dilaksanakan bagi program-program realiti hiburan yang lain

****

NO: 63

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN LIEW CHIN TONG
(BUKIT BENDERA)

TARIKH : 25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN : 63

Tuan Liew Ching Tong (Bukit Bendera) minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sebab Kementerian tidak diberikan tanggungjawab untuk menyelaraskan sistem pengangkutan awam sama ada beliau bersetuju bahawa satu Suruhanjaya Pengangkutan Awam haruslah ditubuhkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, tanggungjawab untuk menyelaraskan sistem pengangkutan awam dipikul bersama-sama oleh Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kementerian Pengangkutan secara khususnya bertanggungjawab ke atas sistem pengangkutan awam berasaskan rel, maritim dan udara di mana penyelarasan sistem pengangkutan awam rel seperti LRT, KTM Komuter, Monorel dan ERL dilaksanakan oleh Jabatan Keretapi .

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pengangkutan menyokong keputusan dasar Kerajaan untuk mengaktifkan semula cadangan mewujudkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam sebagai satu badan tunggal bertanggungjawab ke atas sistem pengangkutan awam negara.

NO. SOALAN : 64

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	**DATO' WAN ABD. RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]**

Minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah dasar kerajaan menubuhkan Jabatan Pembangunan Persekutuan di negeri Kelantan.

JAWAPAN : Y.B. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang Dipertua,

Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan ditubuhkan untuk menjaga kesejahteraan rakyat negeri Kelantan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur dan program-program kemasyarakatan yang amat diperlukan oleh rakyat negeri berkenaan.

SOALAN NO: 65

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN CHONG ENG [BUKIT MERTAJAM]

TARIKH : 25 JUN 2008

RUJUKAN : 1058

SOALAN:

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan kanak-kanak yang dilaporkan hilang setiap tahun dari bagi tempoh 2000-2008 dengan butiran umur, jantina dan bangsa. Apakah kemungkinan kanak-kanak ini menjadi mangsa penyeludupan manusia.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Mertajam yang mengemukakan pertanyaan.

Tahun 2000

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang di dapati hilang bagi tahun 2000 adalah seramai 1980 orang. Daripada jumlah tersebut, seramai 78 orang adalah berumur 9 tahun ke bawah iaitu 41 orang kanak-kanak lelaki dan 37 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 10 hingga 13 tahun, seramai 335 orang dilaporkan hilang iaitu 157 daripadanya kanak lelaki dan 178 kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur di antara 14 hingga 17 tahun pula, seramai 1,567 orang kanak-kanak dilaporkan hilang iaitu 342 orang daripadanya ialah kanak-kanak lelaki dan 1,225 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan bagi kanak-kanak lelaki yang hilang pada tahun 2000 adalah seramai 540 orang berbanding kanak-kanak perempuan yang hilang seramai 1,440 orang. Bagi kategori bangsa, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2000 adalah seramai 1,251 orang, diikuti dengan kanak-kanak Cina seramai 346 orang. Kanak-kanak India pula adalah seramai 309 orang. Bagi lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 74 orang kanak-kanak.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2001

Bagi tahun 2001, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,850 orang. Daripada jumlah tersebut, 67 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 31 orang kanak-kanak lelaki dan 36 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 304 orang dilaporkan hilang iaitu 135 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 169 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,479 orang. Daripada jumlah tersebut 358 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 1,121 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2001 ialah seramai 524 orang manakala 1,326 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2001 adalah seramai 1,236 orang, diikuti dengan kanak-kanak India 303 orang dan 260 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 51 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2002

Bagi tahun 2002, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,713 orang. Daripada jumlah tersebut, 60 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 32 orang kanak-kanak lelaki dan 28 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 273 orang dilaporkan

hilang iaitu 119 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 154 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,380 orang. Daripada jumlah tersebut 305 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 1,075 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2002 ialah seramai 456 orang manakala 1,257 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2002 adalah seramai 1,173 orang, kanak-kanak India 224 orang dan 244 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 72 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2003

Bagi tahun 2003, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,830 orang. Daripada jumlah tersebut, 79 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 36 orang kanak-kanak lelaki dan 43 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 264 orang dilaporkan hilang iaitu 100 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 164 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,487 orang. Daripada jumlah tersebut 349 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 1,138 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2003 ialah seramai 456 orang manakala 1,257 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2003 adalah seramai 1,317 orang, kanak-kanak India 223 orang dan 242 orang

kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 48 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2004

Bagi tahun 2004, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,947 orang. Daripada jumlah tersebut, 91 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 45 orang kanak-kanak lelaki dan 46 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 270 orang dilaporkan hilang iaitu 105 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 165 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,586 orang. Daripada jumlah tersebut 341 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 1,245 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2004 ialah seramai 491 orang manakala 1,456 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2004 adalah seramai 1,393 orang, diikuti dengan kanak-kanak India 253 orang dan 224 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 77 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2005

Bagi tahun 2005, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,528 orang. Daripada jumlah tersebut, 63 orang daripadanya

ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 36 orang kanak-kanak lelaki dan 27 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 208 orang dilaporkan hilang iaitu 99 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 109 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,257 orang. Daripada jumlah tersebut 299 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 958 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2001 ialah seramai 434 orang manakala 1,094 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2005 adalah seramai 1,169 orang, diikuti dengan kanak-kanak India 145 orang dan 138 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 76 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2006

Bagi tahun 2006, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,249 orang. Daripada jumlah tersebut, 50 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 23 orang kanak-kanak lelaki dan 27 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 197 orang dilaporkan hilang iaitu 73 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 124 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 1,002 orang. Daripada jumlah tersebut 169 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 833 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2006 ialah seramai 265 orang

manakala 984 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2006 adalah seramai 1,012orang, kanak-kanak India 83 orang dan 94 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 60 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2007

Bagi tahun 2007, jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 1,115 orang. Daripada jumlah tersebut, 49 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 26 orang kanak-kanak lelaki dan 23 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 166 orang dilaporkan hilang iaitu 47 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 119 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 900 orang. Daripada jumlah tersebut 139 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 761 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2007 ialah seramai 212 orang manakala 903 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2007 adalah seramai 914 orang, kanak-kanak India 74 orang dan 99 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 28 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Tahun 2008 (sehingga Mei 2008)

Bagi tahun 2008 (sehingga bulan Mei), jumlah keseluruhan kanak-kanak yang hilang adalah seramai 564 orang. Daripada jumlah tersebut, 16 orang daripadanya ialah kanak-kanak yang berumur 9 tahun ke bawah iaitu 8 orang kanak-kanak lelaki dan 8 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak berumur 10 hingga 13 tahun pula, seramai 100 orang dilaporkan hilang iaitu 26 orang darpadanya kanak-kanak lelaki dan 74 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kanak-kanak yang berumur 14 hingga 17 tahun, jumlah kanak-kanak hilang adalah seramai 448 orang. Daripada jumlah tersebut 67 orang adalah kanak-kanak lelaki dan 381 orang adalah kanak-kanak perempuan. Jumlah keseluruhan kanak-kanak lelaki yang hilang bagi tahun 2008 (sehingga bulan Mei) ialah seramai 101 orang manakala 463 orang kanak-kanak perempuan. Bagi kategori bangsa pula, jumlah kanak-kanak Melayu yang hilang bagi tahun 2008 (sehingga bulan Mei) adalah seramai 474 orang, diikuti dengan kanak-kanak India 43 orang dan 37 orang kanak-kanak China. Bagi kanak-kanak kategori lain-lain bangsa, jumlah yang dilaporkan hilang ialah seramai 10 orang.

Tuan Yang Dipertua,

Berpandukan Statistik PDRM, sehingga kini tiada laporan yang diterima menunjukkan bahawa kanak-kanak yang hilang ini telah menjadi mangsa penyeludupan.

SOALAN NO. : 66

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN HAJI TAIB AZAMUDDEN BIN MD TAIB [BALING]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan meningkatkan taraf dan kemudahan-kemudahan perkhidmatan di Hospital Daerah Baling memandangkan kemudahan yang ada sekarang tidak lagi mampu menampung keperluan penduduk Baling, Pengkalan Hulu, Sik dan daerah kecil Kuala Ketil yang menggunakan hospital tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, Kementerian Kesihatan telah meluluskan projek Naiktaraf Unit Kecemasan Hospital Baling dengan kos sebanyak RM 3.5 juta. Projek ini sedang dalam peringkat rekabentuk dan ia melibatkan pembinaan bangunan baru serta

peralatan untuk Unit Kecemasan Hospital Baling bagi menggantikan Unit Kecemasan yang sedia ada.

Soalan No : 68

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH (SUBANG)**

TARIKH : **25.6.2008**

SOALAN:

Y.B. TUAN SIVARASA A/L K.RASIAH [SUBANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang melaksanakan dasar membina sekolah tambahan tanpa mengira aliran sekolah sebaliknya mengambil kira kriteria kepadatan pelajar di sesuatu kawasan perumahan, sebagai contoh membina sekolah jenis kebangsaan di sesuatu kawasan berlandaskan kepadatan pelajar dan kemahuan penduduk di kawasan itu.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha menyediakan kemudahan pendidikan yang sempurna dan mencukupi mengikut keperluan dan keutamaan sesuatu kawasan. Pada masa yang sama, KPM melihat kepada aspek yang menyeluruh dalam pembangunan pendidikan negara dan tidak hanya melihat kepada satu jenis sekolah atau satu kawasan tertentu sahaja. Selaras dengan itu, KPM mengutamakan pembinaan sekolah kebangsaan sebagai sekolah aliran perdana bagi memenuhi keperluan pelajar dan ibubapa pelbagai kaum dan memupuk perpaduan sejak awal persekolahan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam membuat perancangan membina sekolah-sekolah baru, KPM memberi keutamaan kepada tiga (3) aspek berikut;

i. Memastikan tapak lokasi sekolah adalah bersesuaian;
ii. Memastikan kemudahan tapak binaan mempunyai kemudahan asas seperti jalan masuk, bekalan air dan elektrik; dan
iii. Membuat perancangan yang teliti bagi memastikan pembinaan sekolah-sekolah mengimbangi keperluan penduduk setempat.

SOALAN NO: 69

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL

TARIKH: 25 JUN 2008

SOALAN:

Y.B. DATUK HAJI YUSOFF BIN HAJI MAHAL [Labuan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam menyediakan rakyat di Labuan, Sabah dan Sarawak bagi memenuhi keperluan tenaga kerja di dalam sektor minyak dan gas.

PR-1212-L13886

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sektor minyak dan gas amat penting bagi sektor ekonomi di Malaysia, terutamanya di Negeri Sabah dan Sarawak kerana sektor ini menyediakan peluang pekerjaan bagi pekerja. Sehubungan itu, Kementerian Sumber Manusia telah menubuhkan 5 buah Institut Latihan Perindustrian (ILP) di Sabah dan Sarawak iaitu ILP Kota Samarahan dan Miri di Sarawak, ILP Kota Kinabalu dan Sandakan di Sabah serta ILP Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Kursus-kursus yang berkaitan dengan sektor minyak dan gas termasuk Pemasangan Paip Gas, Fabrikasi Logam dan Kimpalan Arka dan Gas adalah di antara kursus-kursus yang disediakan bagi melahirkan tenaga mahir dalam sektor minyak dan gas ini. Sekurang-kurangnya salah satu kursus tersebut di atas ada ditawarkan di ILP-ILP terbabit yang

terdapat di Malaysia Timur. Kapasiti latihan bagi ketiga-tiga kursus sepenuh masa di ILJTM Wilayah Timur adalah seperti berikut ;

i.	Kursus Pemasangan Paip Gas (ILP Kota Kinabalu, Kota Samarahan dan ILP Miri)	300 pelatih
ii.	Kursus Fabrikasi Logam (ILP Kota Samarahan dan ILP Sandakan)	180 pelatih
iii.	Kursus Kimpalan Arka dan Gas (ILP Labuan, ILP Kota Samarahan dan ILP Sandakan)	250 pelatih

Lebih kurang 90% pelajar bagi kursus tersebut ditawarkan kepada pelajar daripada Sabah dan Sarawak. Selain daripada itu, JTM melalui ILP Kota Kinabalu dan ILP Miri juga menjalinkan kerjasama dengan Petronas untuk melatih pelajar-pelajar dalam program Pemasangan Paip Gas. Lepasan kursus ini ditawarkan bekerja dengan kontraktor-kontraktor yang dilantik oleh Petronas yang menjalankan aktiviti pemasangan paip gas di bawah projek pemasangan paip gas di antara Kimanis di Sabah dan Bintulu di Sarawak. Selain daripada Petronas, pelajar-pelajar ini juga mendapat peluang untuk bekerja dalam sektor minyak dan gas di syarikat-syarikat yang lain.

Dalam RMK-9 , Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) di Bintulu akan dibina bagi menjalankan kursus-kursus yang berkaitan dengan industri minyak dan gas seperti Diploma Teknologi Kimpalan, Diploma Teknologi Instrumentasi dan Diploma Teknologi Minyak dan Gas. Dengan adanya kursus-kursus ini bekalan tenaga mahir di peringkat tertinggi dapat disediakan bagi memenuhi keperluan industri berkenaan.

SOALAN NO : ~~68~~ 70

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON
[IPOH BARAT]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

TUAN KULASEGARAN A/L MURUGESON [IPOH BARAT] MEMINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN PROSES PEMILIHAN KONTRAKTOR

UNTUK PENYELENGGARAAN JALAN RAYA PERSEKUTUAN DI NEGERI PERAK DAN BERAPAKAH YANG DIPERUNTUKKAN UNTUK TAHUN 2008 DAN KOS PELAKSANAAN SEHINGGA HARI INI.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, PROSES PEMILIHAN KONTRAKTOR UNTUK PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI NEGERI PERAK DAN BEBERAPA NEGERI LAIN DI ZON UTARA IAITU PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG DILAKSANAKAN SECARA RUNDINGAN TERUS. PROSES PEMILIHAN INI DIBUAT BERDASARKAN KRITERIA-KRITERIA YANG DITETAPKAN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (EPU, JPM) DAN KEMENTERIAN KEWANGAN.

NILAI KERJA-KERJA YANG TERLIBAT DALAM KONTRAK JANGKA PANJANG INI ADALAH

SEBAHAGIAN SAHAJA DARIPADA PERUNTUKAN TAHUNAN BAGI PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN. SKOP YANG TERLIBAT PULA HANYALAH BAGI PENYENGGARAAN RUTIN DAN PENYENGGARAAN BERKALA SEPERTI MENURAP JALAN, MEMBAIKPULIH CERUN MENGGANTI PERABOT JALAN DAN SEBAGAINYA.

SEBAHAGIAN LAGI PERUNTUKAN ADALAH DITAWARKAN KEPADA KONTRAKTOR SECARA TERBUKA OLEH JKR NEGERI DAN JKR DAERAH BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA PENYENGGARAAN BERSIFAT NAIKTARAF SEPERTI MEMBAIKI SIMPANG, MENAIKKAN ARAS JALAN, MEMBINA LONGKANG DAN PEMBETUNG, MEMASANG LAMPU JALAN DAN SEBAGAINYA.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, SEBANYAK RM54 JUTA DIPERUNTUKKAN BAGI MELAKSANAKAN PENYENGGARAAN JALAN PERSEKUTUAN DI PERAK. SEHINGGA AKHIR MEI 2008, SEBANYAK RM 21 JUTA IAITU 39% DARIPADA PERUNTUKAN TELAH DIBELANJAKAN BAGI MELAKSANAKAN KERJA-KERJA TERSEBUT.

NO : 71

Lampiran 'A'

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN NO : 71

SOALAN :

YB Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan pelarian asing yang berada di Malaysia dari segi jumlah bilangan, Negara asal, kemudahan dan perlindungan yang disediakan untuk mereka setakat ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini, Malaysia tidak menyertai mana-mana konvensyen atau perjanjian antarabangsa berkaitan dengan pelarian iaitu (dengan izin) *Convention relating to the Status of Refugees, Protocol relating to the Status of Refugees 1967, the International Covenant on Civil and Political Rights 1966* dan *the International Covenant on Economic, Social and Cultural Rights 1966.*

Malaysia tidak mengiktiraf status pelarian dan sesiapa yang memasuki negara. ini tanpa sebarang dokumen pengenalan diri yang sah adalah dianggap sebagai pendatang tanpa izin dan boleh didakwa di bawah Akta Imigresen 1956/63. Walaupun tidak menjadi negara ahli kepada Konvensyen 1951 dan Protokol 1967, Malaysia tetap menjamin hak asasi manusia terutama kepada golongan yang tertindas. Malaysia juga mengamalkan prinsip *non-refoulment* dan mencegah sebarang bentuk penganiayaan menurut amalan undang-undang adat antarabangsa.

Berdasarkan prinsip ini, Kerajaan mempertimbangkan pengecualian secara *case-by-case* sekiranya disahkan terdapat ancaman yang jelas terhadap keselamatan nyawa pelarian di negara asal mereka mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang dalam negeri. Mengikut statistik Jabatan Penjara Malaysia yang berakhir 31 Julai 2007, terdapat 178 orang banduan yang mendapat status UNHCR dan sejumlah 357 orang PATI berstatus UNHCR di depot tahanan PATI di seluruh negara.

Segala aspek merangkumi kemudahan perlindungan, suaka politik, pendaftaran dan penghantaran pelarian ke negara ketiga adalah di bawah pengawasan Pejabat Pesuruhjaya PBB Mengenai Pelarian (UNHCR) yang telah beroperasi di negara ini sejak tahun 1970-an.

Mengikut statistik terkini yang dikeluarkan oleh Pejabat UNHCR bertarikh 2 Jun 2008, terdapat seramai 39,675 orang yang diberikan perhatian oleh UNHCR. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 19,024 telah dikenalpasti sebagai pelarian. Mereka berasal dari 49 negara termasuk Myanmar, Afghanistan, Iraq, Sri Lanka, Cambodia, Nepal, Somalia dan Cameroon.

Sejumlah 13,227 orang pelarian sedang menjalani proses penempatan semula ke negara ketiga. Untuk tempoh dari Januari hingga Mei 2008, seramai 2,548 pelarian telah diterima oleh negara ketiga iaitu Australia, Kanada, Denmark, Norway, New Zealand, Sweden dan Amerika Syarikat

Pengendalian PATI yang diberikan status UNHCR telah menimbulkan beberapa masalah termasuk kesukaran menempatkan mereka di negara ketiga, pembabitan dalam peningkatan kadar jenayah dan gejala sosial serta risiko faktor penarik kebanjiran pendatang tanpa izin dari negara jiran. Justeru itu, Kerajaan sentiasa berhati-hati dalam menangani isu ini memandangkan ia bukan sahaja satu isu kemanusiaan tetapi turut mendatangkan implikasi yang besar terhadap keselamatan negara.

SOALAN NO. 72

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALIB (MARAN)**

TARIKH : **25 JUN 2008 (RABU)**

SOALAN:

Y.B DATO' HAJI ISMAIL BIN HAJI ABD MUTALIB (MARAN) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

(a) Bilakah Universiti FELDA yang pernah dicadangkan akan dibina di kawasan Parlimen Maran, Pahang bagi memperingati Allahyarham Tun Razak yang mengasaskan penubuhan FELDA yang terawal dan terbesar.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang mewujudkan sebuah Universiti FELDA kerana universiti dan institusi pengajian tempatan di negara ini telahpun mencukupi untuk menampung keperluan pelajar. Perancangan yang dibuat oleh Kerajaan sekarang ialah meningkatkan latihan generasi peneroka terutamanya dalam latihan vokasional. Sejak tahun 2006 peruntukan berjumlah RM50 juta disediakan setiap tahun untuk melatih generasi peneroka di peringkat sijil dan diploma. Kira-kira 7,500 generasi peneroka diberi latihan dalam pelbagai bidang setiap tahun seperti teknologi automotif, multimedia, kejururawatan, maritim, elektrikal, pembinaan, aerospace, penyiaran, bioteknologi, perakaunan dan sebagainya. Kursus baru turut diperkenalkan seperti ***Lisenced Aircraft Maintenance Engineering (LAME)*** membabitkan 144 pelajar dan

Training Junior Technician seramai 25 pelajar yang dikendalikan dengan kerjasama oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS). Kursus *Cadet Pilot* pula membabitkan seorang pelajar tajaan FELDA dan dikendalikan oleh **Asia Pacific Flight Trainning.** Kesemua kursus yang ditawarkan ini adalah berprestasi tinggi dari segi pasaran kerja dan mampu melahirkan tenaga kerja yang mahir dan profesional.

Selain itu juga, sebagai usaha meningkatkan kemahiran kepada generasi peneroka, Kerajaan juga telah membina dua buah Kolej Komuniti di Kerteh, Terengganu yang berharga RM20.264 juta. Kolej tersebut telahpun memulakan sesi pengajian manakala sebuah lagi di Sahabat, Sabah berharga RM22.68 juta telahpun siap dan dijangka memulakan sesi pengajian dalam tahun ini. Kolej Komuniti ini memberi peluang kepada generasi FELDA lepasan SPM yang tidak berpeluang di peringkat diploma dan ijazah mengikuti latihan asas sebagai persiapan mereka mendapat

peluang pekerjaan yang sesuai. Di samping itu, sebuah kolej yang mana dinamakan Kolej Integrasi Ilmu (KINI) turut melatih generasi FELDA dalam bidang yang sama. Di antara bidang yang dilatih ialah sajian, perhotelan, masakan, pelancongan dan sebagainya.

Penubuhan Maktab Rendah Sains Mara FELDA (MRSMF) di Trolak, Perak Darul Ridzuan merupakan MRSMF yang terbesar dan termoden di negara ini. MRSMF ini ditubuhkan dengan tujuan memberi peluang pendidikan kepada anak-anak warga FELDA untuk meningkatkan kualiti pendidikan, menggalakkan pertumbuhan masyarakat yang maju, produktif dan lebih berdisplin bagi menjamin taraf dan mutu kehidupan yang lebih sempurna kepada generasi baru FELDA. Dengan kos pembinaan berjumlah RM103 juta dan kapasiti pelajar seramai 1,050 pelajar, kompleks MRSMF ini akan menjadi mercu tanda keprihatinan Kerajaan dalam menyediakan kemudahan pembelajaran yang serba lengkap dan moden. MRSMF dijangka siap pada tahun 2009. Pengambilan pelajar tingkatan satu seramai 200

orang telahpun dimulakan pada sesi persekolahan 2008 yang lalu dengan menempatkan pelajar di bangunan sementara di Kolej Kini, Trolak.

Adalah diharap usaha dan tumpuan di bidang pendidikan yang dilaksanakan Kerajaan akan melahirkan generasi FELDA yang berkualiti dan berdaya saing. Harapan Kerajaan ialah generasi FELDA turut membantu dan membangunkan tanah rancangan dan turut sama memajukan negara.

SOALAN NO: 73

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI [SILAM]

TARIKH : 25 JUN 2008

RUJUKAN : 1059

SOALAN:

Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian akan menambahkan anggota polis dalam usaha memperkasakan lagi pasukan ini untuk menghadapi cabaran masa kini di Pantai Timur Sabah terutamanya di kawasan Lahad Datu yang sering dikunjungi oleh para pendatang dari Selatan Filipina.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B dari Silam yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan telah meluluskan penambahan sebanyak 60,000 jawatan baru kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) secara berperingkat dari tahun 2007 hingga 2011. Penambahan ini telah mengambil kira keperluan kepolisan di seluruh negara.

SOALAN NO: ~~2~~ 74

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SIRINGAN BIN GUBAT [RANAU]

TARIKH : 25 JUN 2008

RUJUKAN : 1060

SOALAN:

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengubah polisi bayaran RM 2 yang dikenakan apabila membuat laporan polis supaya boleh dibayar di mana-mana balai polis tempat membuat laporan.

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat dari Ranau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua laporan polis boleh dibuat di mana-mana balai polis di seluruh negara dan laporan adalah percuma. Pihak Polis tidak pernah mengenakan sebarang caj kepada mana-mana orang yang ingin membuat laporan di balai polis. Walaubagaimanapun, bagi keadaan di mana pengadu ingin mendapatkan satu salinan laporan yang telah dibuat oleh beliau, maka bayaran sebanyak RM 2 akan dikenakan. Pihak Kementerian tidak bercadang untuk mengubah caj RM 2 yang dikenakan untuk salinan laporan ini kerana ia dianggap caj minima yang bersesuaian dan mampu dibayar oleh semua anggota masyarakat.

NO. SOALAN: 75

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah cadangan untuk melatih kakitangan yang berasal dari Sabah untuk tujuan kenaikan pangkat dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan bagi membolehkan jawatan penting dipegang oleh rakyat Sabah kerana jawatan ketua jabatan dipegang orang luar sekali gus tidak menggambarkan sensitiviti pihak Kerajaan Persekutuan terhadap Perjanjian Malaysia khususnya dalam isu "Borneonisation".

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Pada masa ini terdapat 76 Jabatan Persekutuan di Sabah dan 25 agensi diketuai oleh pegawai yang berasal dari Sabah. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai program pembangunan sumber manusia dalam perkhidmatan awam, antaranya latihan, pusingan kerja dan *coaching* dan *mentoring* bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan daya

kepimpinan untuk memperkukuhkan pembangunan modal insan dan sebagai persediaan untuk mengisi jawatan kepimpinan dalam perkhidmatan awam. Program ini dilaksanakan untuk semua pegawai awam termasuk pegawai-pegawai dari Sabah dan Sarawak.

Kenaikan pangkat pegawai-pegawai awam adalah berdasarkan merit. Pegawai-pegawai yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan boleh dipertimbangkan kenaikan pangkat tanpa mengira keturunan, jantina dan negeri kelahiran. Dalam hubungan ini, Kerajaan sememangnya memberi keutamaan kepada pegawai-pegawai negeri Sabah yang berkelayakan untuk mengisi jawatan Ketua Jabatan di negeri Sabah.

SOALAN NO: 76

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.06.2008

Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Pengangkutan Awam di peringkat negeri dan memperkasakan Kerajaan Negeri untuk menangani masalah pengangkutan awam dan pengurusan lalu lintas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam bertujuan untuk memberi perhatian khusus kepada perkembangan sistem pengangkutan awam secara menyeluruh. Suruhanjaya ini perlu oleh kerana kini terdapat 13 agensi Kerajaan yang terlibat dalam penggubalan dasar, perancangan, pelesenan dan penguatkuasaan pengangkutan awam. Suruhanjaya ini dijangka akan bertanggungjawab, terutamanya merancang, mengawalselia dan menyelaras sistem perkhidmatan pengangkutan awam. Tindakan bagi penubuhan Suruhanjaya Pengangkutan Awam akan diterajui oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri.

SOALAN NO: 77

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GLUGOR]**

TARIKH : **25 JUN 2008**

SOALAN :

Y.B. TUAN KARPAL SINGH [BUKIT GLUGOR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berkenaan jumlah alasan-alasan penghakiman yang belum ditulis oleh hakim-hakim di Mahkamah Tinggi berhubung rayuan kes-kes jenayah ke Mahkamah Rayuan oleh tertuduh yang disabitkan sepanjang tempoh sepuluh tahun lepas.

JAWAPAN :

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dukacita dimaklumkan bahawa bilangan yang tepat bagi jumlah alasan penghakiman yang masih belum ditulis bagi kes-kes rayuan jenayah di Mahkamah Rayuan sepanjang tempoh sepuluh tahun lepas tidak dapat dikemukakan pada hari ini. Setakat ini anggaran jumlah mengikut rekod yang dikumpulkan oleh Unit Statistik, Pejabat Ketua Pendaftar

Mahkamah Persekutuan Malaysia, terdapat sejumlah 27 alasan yang masih belum lagi ditulis. Pejabat Ketua Hakim Negara pada masa ini, sedang giat mengemaskinikan jumlah sebenar alasan-alasan penghakiman yang masih belum ditulis.

Hasil semakan dengan Hakim-Hakim yang terbabit didapati dari jumlah asal yang diterima sebahagian besarnya telahpun diselesaikan. Perkara ini timbul akibat kegagalan beberapa buah Mahkamah Tinggi menghantar maklumat yang tepat kepada Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia.

Hal ini hanya diketahui apabila Ketua Hakim Negara telah meminta penjelasan dari beberapa orang Hakim yang terbabit dan didapati bahawa sebenarnya dari jumlah asal alasan-alasan penghakiman yang belum ditulis itu ,sebahagian besarnya telahpun disediakan.

Sebagai tindakan susulan Ketua Hakim Negara sendiri telah menulis kepada setiap orang Hakim untuk menyemak sendiri bilangan alasan tertunggak mereka dan memaklumkan beliau dengan kadar segera. Maklumat itu akan dibandingkan dengan rekod-rekod yang terdapat di Mahkamah-Mahkamah Tinggi dan di Mahkamah Rayuan. Pada 24 Jun 2008 satu mesyuarat yang mana akan dipengerusikan oleh Ketua Hakim Negara sendiri bersama-sama dengan wakil-wakil dari Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam akan diadakan bertujuan untuk mengemaskini dan seterusnya membincangkan masalah berkaitan kedudukan kes-kes rayuan yang masih belum ditulis alasan penghakimannya.

Disamping itu, Presiden Mahkamah Rayuan telahpun meminta kerjasama peguam-peguam untuk memberikan maklumat dan maklumbalas melalui laman web Badan Kehakiman Malaysia mengenai kedudukan kes-kes rayuan yang mereka kendalikan (bagi kes-kes jenayah dan sibil) malangnya usaha ini tidak mendapat sambutan yang menggalakkan.

NO: 78

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN P RAMASAMY A/L PALANISAMY**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.~~85~~ 78**

Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan bilangan pensyarah-pensyarah daripada golongan bukan Bumiputera di Institut Pengajian Tinggi Awam memandangkan kebanyakan pensyarah-pensyarah sekarang adalah daripada golongan bumiputera.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat pengajian tinggi ialah untuk menghasilkan graduan yang berpengetahuan dan kompeten dalam bidang pengajian serta berkemampuan untuk *menggunakan pengetahuan kepada amalan. Kementerian sentiasa memastikan kualiti tenaga akademik dipertingkatkan bagi* memperkukuhkan keupayaan dan kewibawaan IPT.

Pengambilan pensyarah baru adalah bergantung kepada kekosongan jawatan dan kepakaran serta terbuka kepada semua warganegara. Syarat lantikan sebagai pensyarah di universiti di antaranya adalah seperti berikut:-

i. Warganegara Malaysia;
ii. berumur melebihi 18 tahun;
iii. memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya di peringkat sarjana yang diiktiraf oleh kerajaan; dan
iv. mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu/ Bahasa Malaysia di peringkat SPM.

Dalam proses pengambilan pensyarah baru, Kerajaan melaksanakan pelbagai kaedah bagi menghebahkan kekosongan jawatan seperti dengan mengiklankan di media masa, hebahan melalui internet dan melaksanakan sistem pengambilan pensyarah secara berpusat. Jawatan ini adalah terbuka kepada semua, namun begitu pemilihan kerjaya sebagai pensyarah adalah bergantung kepada kelayakan dan kebolehan disamping minat yang tinggi untuk belajar dan mengajar.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN HEE LOY SIAN
TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) berapa jumlah siswazah yang telah mengikuti program siswazah menganggur dan berapakah jumlah yang berjaya mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan program ini; dan

(b) berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan untuk melaksanakan program setakat ini.

PR-1212-L13967

JAWAPAN:

(a) Skim Latihan Graduan telah dilaksanakan bertujuan membantu meningkatkan pengetahuan dan kemahiran graduan yang masih menganggur bagi memperluaskan peluang mereka mendapatkan pekerjaan. Skim ini telah dilaksanakan secara berperingkat iaitu Skim Latihan Garduan I (2001), II (2003) dan III (2005). Bagi ketiga-tiga skim ini seramai **38,164** graduan telah diluluskan untuk mengikuti latihan yang tempohnya antara 5 hingga 7 bulan bergantung kepada jenis program latihan. Sebanyak **13 program** latihan telah ditawarkan di bawah skim ini.

Kajian keberkesanan yang telah dijalankan mendapati skim ini telah membantu graduan menganggur mendapat pekerjaan. Daripada 2,319 pelatih di bawah **Skim Latihan Graduan I** yang memberi maklumbalas, seramai **1,717 (74%)** mendapat pekerjaan. Manakala bagi **Skim Latihan Graduan II** pula, dari jumlah 2,037 maklumbalas yang diterima, seramai **1,367 (67%)** berjaya mendapat pekerjaan. Bagi **Skim Latihan**

Graduan III pula, daripada 12,046 borang kaji selidik yang telah diterima, seramai **8,362 (70%)** graduan berjaya mendapat pekerjaan.

(b) Sebanyak **RM 240 juta** telah diperuntukkan untuk melaksanakan skim ini. Dari jumlah tersebut sebanyak **RM 236.06 juta** bantuan kewangan telah diluluskan untuk membiayai yuran dan elaun bulanan sebanyak RM 500 sebulan dan selebihnya digunakan untuk tujuan pentadbiran dan pengurusan. Skim ini telah dihentikan pada Ogos 2006 kerana peruntukan telah habis digunakan.

Di samping itu, Kementerian Sumber Manusia melalui Pembangunan Sumber Manusia Berhad juga melaksanakan Program Latihan Pakar Pembangunan Perisian mulai Ogos 2004 bertujuan melatih graduan ICT yang mengganggur untuk menjadi pekerja mahir dalam bidang "software development" yang diperlukan oleh industri. Terdapat dua bidang pengkhususan ditawarkan di bawah program ini iaitu pembangunan perisian menggunakan "open source technology" dan "client server". Sehingga 31 Mei 2008, seramai **1,269** pelatih telah dan sedang dilatih di bawah program ini. Dari jumlah tersebut seramai 34 pelatih tidak menamatkan latihan, 100 pelatih masih menjalani latihan dan 1,135 pelatih telah menamatkan latihan dengan jayanya. Kajian keberkesanan ke atas **1,135** pelatih yang telah menamatkan latihan, adalah didapati seramai **1,133** telah mendapat pekerjaan.

SOALAN NO. (80)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN	:	LISAN
DARIPADA	:	Y.B. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN)
TARIKH	:	25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. PUAN FUZIAH BINTI SALLEH (KUANTAN) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah apa-apa tindakan yang akan diambil terhadap Pihak Berkuasa Tempatan yang telah menafikan rakyat atau Ahli Parlimen dari menggunakan kemudahan awam tanpa sebarang sebab yang wajar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Semua pihak yang hendak menggunakan sebarang kemudahan awam di kawasan PBT hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada PBT berkenaan. Kelulusan yang diberikan oleh PBT adalah untuk memastikan penggunaan kemudahan awam tersebut tidak menimbulkan masalah kacau ganggu. Sekiranya ia melibatkan perhimpunan awam maka permit kelulusan daripada pihak polis hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Oleh kerana penggunaan kemudahan awam tersebut adalah tertakluk kepada syarat-syarat penggunaan yang telah ditetapkan oleh PBT, maka tidak timbul soal untuk mengambil tindakan ke atas PBT yang menafikan hak rakyat ataupun Ahli Parlimen bagi menggunakan kemudahan awam di kawasannya.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan
Jun 2008

SOALAN NO : 81

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAPAN LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. TAN SENG GIAW [KEPONG]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Y.B. Dr. Tan Seng Giaw minta **PERDANA MENTERI** menyatakan cara-cara yang digunakan untuk menentukan perubahan dalam pelbagai subsidi termasuk beras, diesel dan petrol akan berjaya. Apakah teknologi seperti nanotag akan terus digunakan dan penjimatan bagi negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, matlamat utama Kerajaan di dalam menstruktur semula subsidi minyak dan mengurangkan diskaun gas kepada sektor elektrik dan industri adalah :

(i) menjimatkan penggunaan tenaga (*conservation of energy*);

(ii) memupuk budaya berjimat cermat dan mengelakkan pembaziran;

(iii) meningkatkan kecekapan dan daya saing industri; dan

(iv) menggunakan kewangan awam bagi tujuan yang lebih produktif.

Untuk mencapai matlamat tersebut, Kerajaan telah menstruktur semula subsidi walaupun sedar ini akan meningkatkan kos sara hidup rakyat dalam jangka pendek. Namun, dalam jangka panjang kadar kenaikan indeks harga pengguna akan kembali kepada trend normal dan ianya akan meningkatkan kecekapan dan daya saing industri. Sehubungan ini, Kerajaan telah mengumumkan enam langkah untuk mengurangkan beban kenaikan iaitu mempercepatkan bayaran tunai kepada pemilik kenderaan persendirian yang layak; menambah kuota *Fleetcard* untuk pengusaha pengangkutan; mengurangkan perbelanjaan Kerajaan; menambahbaik Jaringan Jaminan Sosial; harga petrol dan diesel tidak akan dinaikkan lagi pada tahun ini dan gaji bulanan pegawai dan kakitangan Kerajaan akan dibayar dua kali sebulan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menganggarkan RM13.7 bilion daripada penjimatan yang akan diperolehi daripada penstrukturan semula subsidi ini serta pendapatan daripada levi keuntungan. Penjimatan ini akan digunakan bagi mengurangkan beban rakyat, terutamanya golongan miskin dan sederhana. Antaranya termasuklah, Dasar Jaminan Makanan Negara (RM4.0 bilion), subsidi minyak masak (RM1.5 bilion), subsidi pembelian beras import bagi penyeragaman harga beras di Sabah dan Sarawak (RM400 juta), subsidi tepung (RM200 juta), subsidi roti (RM100 juta) dan sumbangan kepada subsidi petrol, diesel dan gas (RM7.5 bilion).

Adalah menjadi hasrat Kerajaan, supaya dalam mengharungi fenomena kenaikan harga minyak dan komoditi ini, rakyat dapat sama-sama memikul sebahagian daripada beban kewangan yang ditanggung Kerajaan. Oleh itu, penstrukturan semula subsidi bahan api perlu dilakukan bagi memastikan di dalam jangka panjang kedudukan

kewangan Kerajaan berada pada tahap yang stabil dan defisit yang terkawal. Di samping itu, untuk mengurangkan beban kewangan, rakyat juga akan terdorong untuk berbelanja secara berhemah dan mengamalkan penjimatan melalui perkongsian kereta dan menggunakan pengangkutan awam.

Tuan Yang di-Pertua,

Semua langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan adalah untuk memastikan semua pihak – individu, industri, peniaga dan Kerajaan sentiasa peka terhadap keperluan menjimatkan tenaga, mengelakan pembaziran dan meningkatkan produktiviti demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara. Kerajaan yakin bahawa langkah ini akan memberi manfaat kepada rakyat dan ekonomi negara dalam jangka panjang meskipun dalam jangka pendek kita terpaksa mengalami sedikit tekanan harga.

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan program *nanotag fuel marker* ini telah memberikan impak yang positif dalam membendung penyalahgunaan diesel bersubsidi di mana penjualan diesel untuk sektor industri yang tidak diberi subsidi oleh Kerajaan telah meningkat 36.1 peratus iaitu daripada 2,500 juta liter pada tahun 2006 kepada 3,403 juta liter pada tahun 2007. Manakala penjualan diesel bersubsidi telah menurun 12.8 peratus iaitu daripada 7,041 juta liter pada tahun 2006 kepada 6,140 juta liter pada tahun 2007. Pelaksanaan program ini telah berjaya menjimatkan RM679 juta hasil Kerajaan sejak program ini bermula pada tahun 2006. Namun begitu, program ini akan dihentikan sekiranya tiada lagi elemen subsidi dalam produk petroleum.

SOALAN NO: 82

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZULKIFI BIN NOORDIN
[KULIM BANDAR BARU]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

TUAN ZULKIFLI BIN NOORDIN [KULIM BANDAR BARU] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH KERAJAAN BERCADANG MENGURANGKAN / MELEPASKAN KADAR TOL

BAGI LEBUHRAYA YANG SEDANG DIBAIK PULIH DAN ADAKAH KERAJAAN BERCADANG MENGURANGKAN KADAR TOL PADA HARI-HARI PERAYAAN SEBAGAI INSENTIF RAKYAT MENGGUNAKAN LEBUH RAYA DIMUSIM PERAYAAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, TERLEBIH DAHULU SAYA INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH DI ATAS CADANGAN YANG BERHORMAT SUPAYA KERAJAAN MENGURANGKAN/ MELEPASKAN KADAR TOL BAGI LEBUHRAYA YANG SEDANG DIBAIK PULIH DAN JUGA PADA MUSIM-MUSIM PERAYAAN.

KEMENTERIAN MELIHAT CADANGAN INI MERUPAKAN SATU OPSYEN YANG BOLEH DIPERTIMBANGKAN OLEH KERAJAAN DALAM USAHA UNTUK MENGURANGKAN BEBAN RAKYAT YANG MENGGUNAKAN LEBUHRAYA TOL.

SEPERTI YANG TELAH SAYA MAKLUMKAN PADA SIDANG DEWAN YANG MULIA INI PADA 7 MEI 2008 YANG LALU, KERAJAAN AMAT FAHAM DAN PRIHATIN AKAN BEBAN TOL KEPADA RAKYAT DAN PADA MASA INI KEMENTERIAN KERJA RAYA SEDANG MEMBUAT SATU KAJIAN SERIUS TERHADAP BEBERAPA LEBUHRAYA DENGAN MELIHAT SEMULA PERJANJIAN KONSESINYA.

ANTARA PERKARA YANG SEDANG DIPERHATI SEMULA ADALAH UNJURAN TRAFIK, KLAUSA-KLAUSA PERJANJIAN, KADAR TOL DAN TEMPOH KONSESI. KEMENTERIAN JUGA AKAN MELIHAT SEMULA JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DIPERLUKAN BAGI SESEBUAH LEBUHRAYA MEMBAYAR BALIK PINJAMAN, MENYELENGGARA DAN MENJALANKAN

OPERASI. JUMLAH INI KEMUDIAN AKAN DIBANDINGKAN DENGAN HASIL KUTIPAN TOL DAN INI DAPAT MENGELAKKAN KENAIKAN KADAR TOL MALAH BOLEH MEMBERIKAN PENGURANGAN KADAR TOL.

SETELAH MEMPEROLEHI MAKLUMAT BERKENAAN, KEMENTERIAN AKAN BERUNDING SEMULA DENGAN SYARIKAT KONSESI BAGI MENCAPAI PERSETUJUAN TANPA SEBARANG GANGGUAN TERHADAP MANA-MANA OBLIGASI KERAJAAN.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DALAM RUNDINGAN SEMULA, FAKTOR PAMPASAN JUGA AKAN DILIHAT SEMULA DAN SEBARANG KEPUTUSAN RUNDINGAN SEMULA AKAN DIPASTIKAN TIDAK MENYEBABKAN KERAJAAN DAN RAKYAT MENANGGUNG

SEBARANG BEBAN SERTA OBLIGASI KERAJAAN KEPADA SYARIKAT KONSESI JUGA TIDAK AKAN DIABAIKAN.

KESEMUA KEPUTUSAN KAJIAN INI AKAN DIKEMUKAKAN KEPADA JEMAAH MENTERI UNTUK MENDAPATKAN KELULUSAN. DENGAN INI MASALAH KENAIKAN KADAR TOL DAPAT DILIHAT SEMULA DAN RAKYAT TIDAK AKAN DIBEBANKAN DENGAN KADAR TOL YANG TINGGI.

SOALAN NO: 83

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT,MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

TUAN LOKE SIEW FOOK [RASAH] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN JUMLAH KUTIPAN TOL YANG TELAH DIKUTIP OLEH KONSESI LEBUHRAYA DALAM SEMUA LALUAN DI ANTARA LEBUHRAYA KUALA LUMPUR DAN SEREMBAN SECARA TERPERINCI SEHINGGA KINI DAN

BILAKAH KUTIPAN TOL DI ANTARA KUALA LUMPUR DAN SEREMBAN DAPAT DIMANSUHKAN.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, JUMLAH KUTIPAN HASIL TOL BAGI LEBUHRAYA KUALA LUMPUR SEREMBAN, LEBUHRAYA UTARA – SELATAN (PLUS) ADALAH BERJUMLAH RM 2,987.11 JUTA. JUMLAH KUTIPAN INI MERUPAKAN HASIL KUTIPAN TOL BAGI TRAFIK DARIPADA ARAH UTARA DAN SELATAN YANG SUSUR KELUAR MELALUI PLAZA TOL SEREMBAN.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, LEBUHRAYA KUALA LUMPUR – SEREMBAN ADALAH MERUPAKAN SEBAHAGIAN DARIPADA LEBUHRAYA UTARA – SELATAN YANG DIKENDALIKAN OLEH SYARIKAT KONSESI

PROJEK LEBUHRAYA UTARA-SELATAN (PLUS) BERHAD.

TEMPOH KONSESI BAGI LEBUHRAYA INI ADALAH SEHINGGA TAHUN 2038 SEPERTIMANA YANG TELAH TERMAKTUB DI DALAM PERJANJIAN KONSESI. SEPERTI YANG TELAH SAYA MAKLUMKAN PADA SIDANG DEWAN YANG MULIA INI PADA 7 MEI 2008 YANG LALU, KERAJAAN AMAT FAHAM DAN PRIHATIN AKAN BEBAN TOL KEPADA RAKYAT DAN PADA MASA INI KEMENTERIAN SEDANG MEMBUAT SATU KAJIAN SERIUS TERHADAP BEBERAPA LEBUHRAYA DENGAN MELIHAT SEMULA PERJANJIAN KONSESINYA.

ANTARA PERKARA YANG SEDANG DIPERHATI SEMULA ADALAH UNJURAN TRAFIK, KLAUSA-KLAUSA PERJANJIAN, KADAR TOL DAN TEMPOH

KONSESI. KEMENTERIAN JUGA AKAN MELIHAT SEMULA JUMLAH PEMBIAYAAN YANG DIPERLUKAN BAGI SESEBUAH LEBUHRAYA MEMBAYAR BALIK PINJAMAN, MENYELENGGARA DAN MENJALANKAN OPERASI. JUMLAH INI KEMUDIAN AKAN DIBANDINGKAN DENGAN HASIL KUTIPAN TOL DAN INI DAPAT MENGELAKKAN KENAIKAN KADAR TOL MALAH BOLEH MEMBERIKAN PENGURANGAN KADAR TOL.

SETELAH MEMPEROLEHI MAKLUMAT BERKENAAN, KEMENTERIAN AKAN BERUNDING SEMULA DENGAN SYARIKAT KONSESI BAGI MENCAPAI PERSETUJUAN TANPA SEBARANG GANGGUAN TERHADAP MANA-MANA OBLIGASI KERAJAAN.

SOALAN NO: 84

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN ISMAIL [MACHANG]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1061**

SOALAN :

(a) **Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa kes kematian tahanan semasa dalam 'police custody' dan pecahan mengikut kaum mulai Januari 2000 hingga Disember 2007.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Machang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan statistik PDRM, semenjak tahun 2000 hingga 2007 sejumlah 123 kes kematian telah berlaku ketika subjek atau Orang Kena Tahan (OKT) itu berada di dalam tahanan polis. Daripada jumlah tersebut, seramai 59 orang terdiri daripada kaum Melayu, 23 orang terdiri daripada kaum Cina, 22 orang terdiri daripada kaum India, dan 19 orang terdiri daripada lain-lain bumiputera dan warga asing.

NO : 85

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN P RAMASAMY A/L PALANISAMY**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.85**

Tuan P Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah polisi dan langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan taraf dan kualiti pendidikan Institut Pengajian Tinggi Awam memandangkan kedudukan IPTA Negara dalam senarai Universiti-Universiti Asia terbaik adalah tidak memuaskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa komited dan berusaha bagi meningkatkan mutu dan prestasi universiti tempatan selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN). Di antara usaha-usaha yang telah diambil termasuklah:-

i. Memastikan sistem tadbir urus IPT cekap, berkesan dan telus menuju ke arah autonomi;

ii. Memantapkan kepimpinan dan pengurusan tertinggi IPT, dan membudayakan sifat profesionalisme serta intelektualisme di kalangan ahli akademik supaya dapat memberikan perkhidmatan yan lebih cemerlang di IPT;

iii. Memastikan IPT mempunyai persekitaran yang kondusif dengan prasarana pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan yang terbaik;

iv. Menambah baik kurikulum supaya sentiasa relevan dan memastikan pelaksanaannya ke arah pencapaian hasil pembelajaran yang ditetapkan;

v. Memantapkan sistem penilaian pembelajaran dan perkhidmatan sokongan pelajar untuk meningkatkan pencapaian hasil pembelajaran;

vi. Menambah bilangan penyelidik dengan ketara dan korpus ilmu yang mampu membawa Malaysia ke tahap pencipta teknologi dan inovasi di peringkat global; dan

vii. Memastikan aktiviti penyelidikan dan inovasi di IPT memperoleh sumber yang mencukupi bagi menyokong sistem inovasi kebangsaab yang seterusnya membantu negara berdaya saing.

viii. memperluas dan memantapkan jaringan global IPT dengan universiti terkemuka luar negara serta kalobrasi antarabangsa dengan syarikat multinasional dan pihak swasta.

APEX merupakan salah satu inisiatif penting yang digariskan dalam Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) bagi memperkasa dan memartabat serta mempertingkatkan kualiti pengajian tinggi negara. Disamping itu, APEX juga bertindak sebagai pemangkin kepada keseluruhan sistem pengajian tinggi negara agar bergerak ke arah mencapai tahap kecemerlangan yang tinggi.

SOALAN NO. 86

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN KHAIRY JAMALUDDIN

(REMBAU)

TARIKH : 25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah terdapat skim atau program yang boleh dipohon bagi mereka yang miskin dan kurang berkemampuan untuk membantu mereka berdikari, selain dari bantuan kewangan secara bulanan yang diberikan kepada mereka.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Selain daripada bantuan kewangan bulanan yang diberikan kepada penerima bantuan, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat

(JKM) dan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) menyediakan beberapa program yang bersifat jayadiri atau galakan berdikari.

JKM menyediakan Skim Bantuan Geran Pelancaran sebagai modal untuk memulakan projek atau aktiviti yang dapat meningkatkan pendapatan dan juga ke arah berdikari. Kadar Bantuan Geran Pelancaran bagi seseorang penerima untuk melaksanakan aktiviti menjana ekonomi adalah atas kadar maksimum RM2,700.00 seorang sekaligus. Bagi tahun 2007, seramai 371 orang telah menerima faedah daripada skim ini yang melibatkan peruntukan sebanyak RM863,954.

Di samping itu, Skim Bantuan Alat Tiruan atau Sokongan disediakan kepada klien JKM khususnya kepada Orang Kurang Upaya (OKU) yang kurang berkemampuan untuk membeli alatan tiruan atau sokongan bagi dirinya bagi meningkatkan keupayaan mereka untuk berdikari dan menjalani kehidupan yang lebih selesa. Kadar bantuan yang diluluskan adalah bergantung kepada harga sebenar alat tiruan/sokongan yang diperlukan. Bagi tahun 2007, sejumlah RM 2,333,140 telah diluluskan di bawah skim ini dan memanfaatkan seramai 1166 OKU.

Melalui JPW pula, beberapa program dilaksanakan untuk ibu-ibu tunggal dan wanita supaya dapat berdikari iaitu melalui program-program kemahiran jahitan dan kraftangan serta program berbentuk motivasi diri. Melalui Program Sutera Sari yang dimulakan pada tahun 2005, seramai 2,970 peserta telah berjaya dilatih dengan kemahiran membuat langsir dan asas kemahiran jahitan. Di samping itu, seramai 6,570 orang peserta wanita telah dilatih melalui Program Jejari Bestari iaitu kursus kemahiran jahitan pakaian dan sulaman manik, pembuatan aksesori wanita serta pembuatan kasut dan beg tangan.

Kementerian juga sedang merancang untuk melaksanakan Program I-KIT iaitu Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal yang bertujuan memberi latihan kemahiran khusus kepada ibu tunggal dalam tujuh bidang iaitu jahitan, kraf tangan, kursus terapi kecantikan, kursus asas asuhan kanak-kanak, pelancongan, perniagaan dan keusahawanan.

NO: 87.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN (PADANG SERAI)**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. SOALAN	:	**87**

Y.B. TUAN GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan:

a) langkah yang diambil untuk mempromosikan tarian klasik India; dan

b) adakah sebarang peruntukan pembiayaan untuk tujuan tersebut yang diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sememangnya menjadi dasar Kementerian ini melibat dan membantu kesenian pelbagai kaum di negara ini termasuklah usaha promosi mencakupi kesenian dari kaum India sama ada teater, tari atau muzik.

a) Langkah-langkah yang diambil dalam promosi tarian klasik India ini adalah seperti berikut;

i. Mengadakan persembahan seni budaya termasuk teater klasik India di pelbagai program Kementerian di peringkat kampung/luarbandar, daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Antara program hebat ialah Program Merakyatkan Seni (PMS), Majlis Rumah Terbuka Malaysia (MRTM), Kuala Lumpur Festival, Titian Budaya dan Minggu Malaysia di luar negara, majlis-majlis rasmi negara dan lain-lain.

ii. Memberi liputan pulisiti di media cetak dan media elektronik dan;

iii. Pembelajaran tarian klasik di pelbagai peringkat iaitu sekolah rendah melalui Tunas Budaya dan Institusi Pengajian Tinggi seperti Akademi Seni, Budaya dan Warisan Kebangsaan, Universiti Institut Teknologi Mara (UITM) dan lain-lain.

iv. Penerbitan buku, CD dan VCD.

b) Kementerian sememangnya mempunyai peruntukan bagi membiayai promosi aktiviti kepada persatuan (Badan Bukan Kerajaan) dan penggiat seni melalui:

i. Skim Bantuan Kebudayaan
ii. Skim Penajaan Seni Budaya.

No : 88

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**JAWAB LISAN**
DARIPADA	:	**DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD**
TARIKH	:	**25 JUN 2008 (RABU)**
NO. PERTANYAAN	:	**NO.88**

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sejauh manakah kegiatan kokurikulum di sekolah serta universiti mencapai matlamat serta keberkesanannya. Apakah kegiatan kokurikulum di sekolah dan universiti ini bermanfaat kepada pelajar dari segi laluan kerjaya serta diambilkira untuk melanjutkan pengajian.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya memberi penekanan kepada aktiviti kokurikulum samada di peringkat sekolah mahupun universiti. Pelaksanaan kegiatan kokurikulum samada di peringkat sekolah dan universiti telah berjaya menyemai, memupuk semangat jati diri dan menanam perasaan kekitaan atau *esprit de corps* serta perpaduan antara pelajar dan mahasiswa pelbagai kaum. Disamping itu, penglibatan pelajar dalam kelab dan

persatuan di sekolah dan universiti turut memberi pendedahan kepada pelbagai ilmu dan pengalaman, seperti kepimpinan, keusahawanan, kebudayaan, sukan, dan pengurusan. Penglibatan pelajar dalam kegiatan kokurikulum juga telah dapat menghindari pelajar-pelajar daripada bersikap antisosial.

Penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum seperti dalam bidang keusahawanan dapat memberi peluang kepada pelajar memperolehi pengalaman dalam aktiviti-aktiviti perniagaan. Melalui aktiviti yang dianjur dan diusahakan sendiri oleh pelajar secara tidak langsung membantu mereka membina keyakinan diri untuk belajar membuat perancangan, penyelidikan, pelan pemasaran dan mencuba idea serta kreativiti mereka sendiri.

Keperluan penglibatan pelajar dalam aktiviti kokurikulum penting kerana ianya merupakan prasyarat bagi kemasukan ke IPTA menerusi sistem meritokrasi berdasarkan 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum yang dilaksanakan mulai Sesi Akademik 2006/2007.

SOALAN NO. (89)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)

TARIKH : 25 JUN 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK (LUBOK ANTU)
minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan daerah Lubok Antu mempunyai 2 pekan dan lebih 100 rumah panjang yang didirikan di tepi jalan-jalan utama, mengapakah Daerah Lubok Antu tidak mempunyai perkhidmatan balai bomba bagi menghadapi sebarang insiden berlakunya kebakaran.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Berdasarkan kepada kriteria pembinaan sesebuah balai bomba di sesuatu kawasan, didapati pada masa ini, keperluan pembinaan balai bomba di Daerah Lubuk Antu tidak begitu mendesak. Balai-balai bomba berhampiran iaitu Balai Bomba Betong dan Balai Bomba Sri Aman mampu memberikan kerja-kerja pemadaman dan penyelamatan di kawasan tersebut.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Jun 2008

SOALAN NO: 90

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] MINTA Y.B. MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN PROJEK-PROJEK MENAIK TARAF, PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN LEBUH RAYA PERSEKUTUAN DI SELAYANG DAN JADUAL PENYEMPURNAANNYA AKAN

DILAKSANAKAN KHASNYA PROJEK MELUASKAN JALAN DARI TOL LEBUH RAYA PLUS KE BANDAR RAWANG DAN TASIK PUTERI DAN JALAN RAYA KUANG.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DI DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN (RMK-9), TERDAPAT SATU PROJEK NAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN YANG TERSENARAI BAGI PARLIMEN SELAYANG IAITU PROJEK MELEBARKAN JALAN PERSEKUTUAN DARI PLAZA TOL RAWANG LEBUH RAYA PLUS KE BANDAR RAWANG DAN KE BANDAR TASEK PUTERI. CADANGAN PROJEK INI TELAH DIBAHAGIKAN KEPADA DUA FASA IAITU FASA PERTAMA DARI PLAZA TOL LEBUH RAYA PLUS KE BANDAR TASEK PUTERI (JALAN B27) DAN FASA KEDUA DARIPADA PLAZA TOL PLUS RAWANG KE BANDAR RAWANG (JALAN FT 3209). FASA PERTAMA KINI TELAH BERADA

DALAM PERINGKAT PEROLEHAN DAN DIJANGKA DIMUKTAMADKAN PADA 30 JUN 2008. KERJA-KERJA REKA BENTUK JUGA TELAH SELESAI DAN KERJA-KERJA PEMBINAAN DIJANGKA BERMULA PADA 29 JULAI 2008 DENGAN TEMPOH KONTRAK SELAMA 24 BULAN. FASA PERTAMA DIJANGKA SIAP SEPENUHNYA PADA 25 FEBRUARI 2010.

BAGI FASA KEDUA IAITU DARI PLAZA TOL RAWANG PLUS KE BANDAR RAWANG, SILING PERUNTUKAN HANYA MENCUKUPI UNTUK MELAKSANAKAN KERJA-KERJA AWALAN DAN REKABENTUK. KEMENTERIAN TELAH MEMOHON SILING PERUNTUKAN TAMBAHAN KEPADA UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI (EPU) SUPAYA FASA KEDUA INI DAPAT DILAKSANAKAN SEPENUHNYA DALAM TEMPOH KAJIAN

SEPARUH PENGGAL (KSP), RMKE-9 INI. PADA MASA INI PIHAK EPU, JPM MASIH DALAM PERINGKAT MEMPERTIMBANGKAN SILING PERUNTUKAN TAMBAHAN BAGI FASA KEDUA INI.

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT JUGA, BUAT MASA INI TIADA CADANGAN UNTUK MENAIKTARAF JALAN PERSEKUTUAN DI KUANG. WALAU BAGAIMANAPUN, KEMENTERIAN MENGAMBIL MAKLUM AKAN CADANGAN PELAKSANAAN PROJEK TERSEBUT DAN AKAN DIKAJI KEPERLUAN PELAKSANAANNYA DILAKSANAKAN DALAM KSP RMK-9 ATAU DALAM RMK-10.

SOALAN NO. : 91

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA**
		[PARIT]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Tuan Mohd Nizar bin Zakaria [Parit] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah pembinaan hospital baru di Seri Iskandar dapat dilaksanakan memandangkan Hospital sedia ada tidak dapat menampung jumlah pesakit di samping pertambahan penduduk yang semakin meningkat di Daerah Perak Tengah.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan sememangnya memahami keperluan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan perubatan di Daerah Perak Tengah. Oleh itu, Kerajaan merancang untuk membina sebuah Hospital Baru Seri Iskandar di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan. Tapak bagi projek Hospital Baru Seri Iskandar seluas 26.82 hektar di Lot No. 10567, Mukim Bota, Daerah Perak Tengah telah diperolehi melalui tukar guna tanah dengan bekas tapak stesen

Radio Televisyen Malaysia (RTM) milik Kementerian Penerangan di Perak Tengah. Pembinaan Hospital Baru Seri Iskandar ini dijangka akan dapat dimulakan pada penghujung RMK-9 bergantung pada jumlah peruntukan yang mencukupi. Pada masa ini, Kementerian Kesihatan sedang menyediakan *brief* projek dan juga pelan rekabentuk untuk Hospital ini.

SOALAN NO. : 92

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI

MENTERI KESIHATAN MALAYSIA

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. MOHD HATTA BIN MD RAMLI**
		[KUALA KRAI]
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
SOALAN	:	

Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Kuala Krai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :

(a) benarkah taraf kesihatan rakyat Kelantan lebih rendah berbanding negeri lain; dan

(b) jika benar, (berikan strategi) apakah strategi utama Kementerian dalam meningkatkan taraf kesihatan rakyat Kelantan.

Tuan Yang di-Pertua,

a) Indikator-indikator kesihatan bagi tahun 2006 menunjukkan pencapaian negeri Kelantan adalah lebih rendah jika dibandingkan dengan pencapaian purata negara Malaysia, melainkan kadar kematian ibu, di mana pencapaian negeri Kelantan (0.2 bagi setiap 1000 kelahiran hidup) adalah mengatasi pencapaian purata kebangsaan (0.3 bagi setiap 1000 kelahiran hidup). Walau bagaimanapun, jika dibandingkan pencapaian pada tahun 2000 dengan pencapaian pada tahun 1990, taraf kesihatan negeri Kelantan jelas menunjukkan peningkatan yang setara dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kadar insiden penyakit berjangkit juga mencerminkan status kesihatan sesuatu tempat. Insiden penyakit-penyakit bawaan air dan makanan, penyakit kelamin, penyakit TB dan kusta (*leprosy)* lebih tinggi di Kelantan berbanding purata kebangsaan. Insiden penyakit bawaan vektor seperti denggi dan malaria di Kelantan pula menunjukkan jumlah yang lebih rendah.

Kadar merokok, makanan tidak sihat, kadar kolestrol yang tinggi dan penyakit darah tinggi adalah lebih tinggi di negeri Kelantan berbanding dengan kadar kebangsaan. Walau bagaimanapun, kadar

aktiviti fizikal dan obesiti adalah lebih rendah di Kelantan dan kadar kencing manis pula adalah pada kadar yang sama.

Pihak Kementerian menyedari bahawa taraf kesihatan di sesuatu negeri bukan sahaja bergantung kepada perkhidmatan kesihatan yang disediakan, malah turut bergantung kepada pembangunan sosio-ekonomi secara menyeluruh. Menyedari hakikat ini, strategi utama Kementerian untuk menaikkan taraf kesihatan ialah dengan memberikan tumpuan kepada penggembelengan usaha pelbagai pihak, sama ada agensi Kerajaan, badan-badan bukan Kerajaan *(NGO)* dan juga sektor swasta. Usaha oleh pelbagai pihak ini akan mempengaruhi faktor-faktor sosial penentu kesihatan, misalnya dalam meningkatkan bekalan air selamat, makanan sihat, pekerjaan yang berpatutan, persekitaran yang sihat dan keperluan-keperluan asas yang lain.

Pada masa yang sama, Kementerian juga berusaha untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan kesihatan yang efisien dan berkesan dengan memperluaskan liputan perkhidmatan melalui pembinaan fasiliti-fasiliti kesihatan baru dan menyediakan perkhidmatan bergerak, menaiktaraf fasiliti-fasiliti kesihatan yang

sedia ada dari segi infrastruktur dan peralatan, memperluaskan skop perkhidmatan rawatan dan pencegahan pada peringkat penjagaan kesihatan primer di klinik-klinik kesihatan, memantau kualiti perkhidmatan yang diberikan, memastikan sumber tenaga manusia yang cukup dan terlatih serta meningkatkan penglibatan masyarakat setempat dalam aktiviti-aktiviti kesihatan.

SOALAN NO.: 93

DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kedudukan indeks kualiti udara di negara kita ketika jerebu mulai muncul semula kebelakangan ini. Apakah tahap keberkesanan kerjasama dengan Singapura dan Indonesia yang dibuat sebelum ini dengan Malaysia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam tempoh suku tahun pertama tahun 2008, status kualiti udara dan bacaan Indeks Pencemar Udara (IPU) di seluruh negara pada kebanyakan masa adalah berada pada tahap baik dan sederhana. Walau bagaimanapun, untuk tempoh yang singkat, iaitu pada 18 Mei 2008, bacaan IPU telah mencapai tahap tidak sihat di Pelabuhan Klang, Selangor disebabkan pencemaran jerebu merentas sempadan di mana pada 17 Mei 2008 terdapat 372 bilangan titik panas (Hotspot) yang telah dikesan di Wilayah Sumatera, Indonesia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia, Indonesia, Singapura, Brunei Darulsalam dan Thailand adalah anggota *Ministerial Steering Committee on Transboundary Haze Pollution* yang ditubuhkan pada tahun 2006 bagi menangani masalah jerebu merentas sempadan. Hasil dari perbincangan-perbincangan yang diadakan, Indonesia telah menyedia dan melaksanakan Pelan Tindakan Indonesia bagi Menangani Masalah Pencemaran Jerebu Merentas Sempadan (*Indonesia's Plan of Action in Dealing with Transboundary Haze Pollution*). Di samping itu, Malaysia dan Singapura terus meningkatkan lagi kerjasama dengan Indonesia bagi mencegah kejadian kebakaran tanah dan hutan serta jerebu melalui program-program bina upaya (*capacity building*).

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 94

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

DARIPADA : **TUAN AZAN BIN ISMAIL (INDERA MAHKOTA)**

PERTANYAAN : **LISAN**

TARIKH : **25.06.2008**

Tuan Azan bin Ismail (Indera Mahkota) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah cukai pendapatan individu dan syarikat yang masih lagi tertunggak dan belum dikutip. Sila nyatakan mengikut pecahan negeri.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, jumlah cukai pendapatan yang masih tertunggak dan belum dikutip pada 31 Disember 2007 adalah sebanyak RM11.96 bilion iaitu RM4.73 bilion bagi individu dan RM7.23 bilion bagi syarikat.

2. Jumlah cukai pendapatan yang tertunggak dan belum dikutip mengikut negeri tidak dapat dinyatakan kerana tiada laporan tunggakan cukai dibuat mengikut negeri.

Np. Soalan : 95

DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE DUA BELAS
TAHUN 2008

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. TUAN MASIR ANAK KUJAT (SRI AMAN)**

TARIKH : **25 JUN 2008**

SOALAN :

Minta **Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah** menyatakan bilakah bekalan air luar bandar dari Pekan Pantu dan Lachau disambung semula ke rumah panjang yang berdekatan.

JAWAPAN :

Kementerian ini sedar bahawa masih terdapat kawasan luar bandar khususnya di Sabah dan Sarawak yang masih belum mendapat bekalan air bersih.

Dibawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak **RM1.114 bilion** bagi program Bekalan Air Luar Bandar (BALB). Negeri Sarawak diperuntukkan sebanyak **RM347.0 juta atau 34.41%** dengan sasaran liputan 90% pada tahun 2010.

Pelaksanaan projek BALB adalah berdasarkan kepada senarai keutamaan yang dikemukakan oleh Pihak Berkuasa Air Negeri (PBAN) dan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan.

SOALAN NO: ~~95~~ 96

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK HAJI ABD RAHMAN DAHLAN
[KOTA BELUD]

TARIKH : 25 JUN 2008

SOALAN :

DATUK HAJI ABD RAHMAN DAHLAN [KOTA BELUD] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN ADAKAH KERAJAAN BERCADANG UNTUK MEMBINA LORONG-LORONG TAMBAHAN DENGAN JARAK YANG

BERSESUAIAN BAGI KEPERLUAN MEMOTONG DI JALAN-JALAN UTAMA YANG MENGHUBUNGKAN BANDAR ATAU DAERAH DI NEGERI SABAH UNTUK MEMENDEKKAN MASA PERJALANAN DAN MENINGKATKAN TAHAP KESELAMATAN.

JAWAPAN:

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, KERAJAAN MEMANG ADA RANCANGAN UNTUK MEMBINA LORONG – LORONG TAMBAHAN DENGAN JARAK YANG BERSESUAIAN BAGI KEPERLUAN MEMOTONG DI JALAN-JALAN UTAMA PERSEKUTUAN BUKAN SAHAJA BAGI NEGERI SABAH TAPI BAGI SELURUH NEGARA. KEMENTERIAN AKAN MENGENALPASTI JALAN-JALAN YANG PERLU DIBINA LORONG MEMOTONG DI JALAN-JALAN YANG MASIH BELUM SAMPAI TAHAP PEMBINAAN JALAN 2 LORONG 2 HALA (*DUAL CARRIAGEWAY*) TETAPI DIKENALPASTI BANYAK KENDERAAN BERAT YANG MENGGUNAKAN JALAN TERSEBUT.

PENYEDIAAN LORONG MEMOTONG YANG AKAN DIPERKENALKAN INI ADALAH BERHASRAT UNTUK MENGURANGKAN KEJADIAN KEMALANGAN DAN MENAMBAH KESELESAAN KEPADA PEMANDU-PEMANDU DI JALANRAYA. KENDERAAN BERUPAYA MEMBELOK DAN MEMOTONG KENDERAAN LAIN DENGAN SELESA DAN SELAMAT MEMANDANGKAN KUALITI ALIRAN TRAFIK DAN JARAK PANDANGAN MEMOTONG TELAH MENINGKAT DENGAN LEBIH BAIK. LORONG MEMOTONG INI JUGA DIRANCANG UNTUK DIBINA PADA SETIAP 8KM DAN PEMANDU BOLEH MERANCANG PERJALANAN UNTUK MEMOTONG PADA SETIAP TITIK TERSEBUT DENGAN SELAMAT DAN SELESA.

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DENGAN ADANYA LORONG MEMOTONG, KENDERAAN YANG BERDERETAN TERUTAMA KENDERAAN BERAT AKAN BERGERAK KE TEPI DAN KENDERAAN DI BELAKANGNYA AKAN BERUPAYA UNTUK MEMOTONG DENGAN SELAMAT TANPA RISIKO DARI BERLANGGAR DENGAN KENDERAAN DARI ARAH YANG BERTENTANGAN. DENGAN DEMIKIAN, KEMATIAN ATAU CEDERA PARAH AKIBAT DARI PERTEMBUNGAN DUA KENDERAAN SECARA BERDEPAN *(HEAD ON COLLISION)* DAPAT DI ELAKKAN.

WALAUBAGAIMANAPUN, DENGAN KEADAAN PERUNTUKAN RANCANGAN MALAYSIA KE SEMBILAN (RMK9) YANG TERHAD MUNGKIN SEBAHAGIAN KECIL SAHAJA LORONG-LORONG MEMOTONG DIBINA. KEUTAMAAN AKAN DIBERIKAN KEPADA NEGERI SABAH

DAN NEGERI SARAWAK DALAM RMK9 DAN BAKINYA MUNGKIN AKAN DAPAT DILAKSANAKAN SEPENUHNYA DALAM RANCANGAN MALAYSIA KE SEPULUH (RMK-10).

SOALAN NO: 97

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**DR. LO' LO' BT. MOHAMAD GHAZALI [TITIWANGSA]**
TARIKH	:	**25 JUN 2008**
RUJUKAN	:	**1196**

SOALAN:

Dr. Lo' Lo' Bt. Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan:-

(a) Polisi Kerajaan terhadap pemberian kerakyatan dan kebenaran bekerja kepada isteri atau suami rakyat Malaysia yang terdiri daripada rakyat asing; dan

(b) usaha-usaha Kerajaan untuk mempermudahkan karenah-karenah birokrasi yang terpaksa dihadapi oleh pasangan-pasangan rakyat Malaysia ini seperti mana usaha-usaha Kerajaan mempromosikan *'Malaysia as a secong home'.*

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua

Diucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Titiwangsa yang mengemukakan pertanyaan.

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat-syarat permohonan kewarganegaraan adalah tertakluk kepada Bahagian 3 Perlembagaan Persekutuan dan mereka yang layak boleh mengemukakan permohonannya. Alasan perkahwinan antara warganegara asing dengan warganegara Malaysia adalah di antara faktor bagi menimbangkan sesuatu permohonan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan.

Kerajaan prihatin kepada masalah yang dihadapi oleh warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia dan menetap di Negara ini. Salah satu daripada aduan utama golongan ini adalah tidak diberi peluang untuk bekerja. Bertindak di atas aduan ini, maka pada tahun 1996 kerajaan telah memperkenalkan 'Spouse Programme'. Di bawah *'Spouse Programme'*, Kerajaan telah membenarkan warganegara asing yang menjadi isteri atau suami yang sah kepada warganegara untuk bekerja. Walaubagaimanapun, pemohon perlu memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan. Sehingga 31 Disember 2007, terdapat seramai **5,634 orang**

warganegara asing yang berkahwin dengan rakyat Malaysia yang menyertai program ini.

Selain dari *'Spouse Programme'* isteri kepada rakyat Malaysia juga boleh diberi kemudahan Pas Penggajian atau Pas Lawatan Kerja Sementara dengan syarat bahawa mereka mendapat tawaran bekerja. Kemudahan yang sama juga diberi kepada suami warganegara asing kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang Di Pertua,

Kerajaan sentiasa mengkaji kemudahan-kemudahan yang diberikan dengan tujuan untuk menambahbaik lagi kemudahan yang diberi dan juga untuk mengatasi karenah-karenah birokrasi. Kerajaan mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh golongan ini dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan kesejahteraan mereka.

Di antara tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk menambahkan kesejahteraan golongan ini adalah seperti berikut :

(i) Pada peringkat awal, permohonan untuk *'Spouse Programme'* hanya boleh dikemukakan dan diproses di Ibu Pejabat Imigresen sahaja. Kini, kerajaan mempermudahkan permohonan baru dan lanjutan *'Spouse Programme'* supaya pemohon boleh mengemukakan permohonan di semua Pejabat Imigresen

Negeri yang berdekatan dengan tempat tinggal mereka bekerja. Kelulusan boleh diberi oleh Pengarah Imigresen Negeri.

(ii) Asalnya, isteri asing kepada warganegara diberi kemudahan Pas Lawatan (sosial) atas dasar **setahun** ke **setahun.** Kerajaan telah mengkaji semula syarat ini dan telah memutuskan supaya isteri atau suami asing kepada warganegara Malaysia di bawah *'Spouse Programme'* dibenarkan tinggal di Negara ini selama **lima** tahun.

(iii) Kerajaan telah memutuskan bahawa suami asing boleh diberikan kemudahan Pas Lawatan (Kerja Sementara) atau Pas Penggajian selama lima tahun beserta *Multiple Entry Visa* tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

(iv) Isteri asing pemegang Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang kurang daripada 3 tahun kepada warganegara yang mendapat kemudahan Pas Lawatan (Sosial), jika ingin bekerja perlu memohon kemudahan di bawah *'Spouse Programme'* mengikut syarat-syarat yang ditetapkan. Pada peringkat awal, pemegang Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang kurang daripada 3 tahun tidak dibenarkan bekerja.

Semua langkah-langkah yang telah diambil seperti di atas bukan sahaja untuk mempermudahkan permohonan dan keputusan tetapi juga untuk memberi kesejahteraan kepada golongan ini. Di samping itu, matlamat kerajaan juga adalah untuk menjadikan *'Spouse Programme'* ini menarik seperti *'Malaysia My Second Home Programme'*. *'Spouse Programme'* mendapat sambutan yang baik dari isteri atau suami asing kepada warganegara Malaysia.